

**Bab 4:
Dosa Warisan:
Suatu Analisis**

A. PENDAHULUAN

Bab ini akan menelusuri kedudukan doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian dan khususnya menurut mazhab Roman Katholik. Berasaskan perbincangan-perbincangan di dalam bab 2 dan bab 3 memperlihatkan peranan St. Paul dan St. Augustine yang bertindak bijak mengadun kepelbagaiannya ajaran-ajaran dan amalan agama-agama Pagan dan agama Yahudi yang disesuaikan dengan keadaan agama Kristian dan masyarakat waktu itu sehingga membentuk beberapa doktrin baru sebagai ajaran terkini agama Kristian. Walau bagaimanapun, agama Kristian menolak tentang wujudnya adaptasi daripada agama-agama Pagan dan agama Yahudi. Bahkan merujuk kepada keterangan-keterangan kitab suci iaitu *The Old Testament* dan *The New Testament* adalah sebagai sandaran ke arah pembentukan segala doktrin agama Kristian. Ini diasaskan kepada nukilan Jesus Christ dalam *Matthew 5:18*:

"I tell you the truth, until heaven and earth disappear not the smallest letter, not the least stroke of a pen, will by any means disappear from the Law until everything is accomplished."

2 *Timothy 3:16-17* mengukuhkannya lagi:

"All Scripture is Godbreathed and is useful for teaching, rebuking, correcting and training in righteousness, so that the man of God may be thoroughly equipped for every good work."

Bertitiktolak daripada kenyataan tersebut, kajian ini akan melihat kedudukan doktrin dosa warisan selanjutnya sama ada ianya sebagai ajaran-ajaran adaptasi daripada pelbagai agama Pagan dan agama Yahudi atau ajaran

asal Jesus Christ melalui analisis menurut kitab suci agama Kristian walaupun melalui kajian bab 2 dan bab 3 menyerlahkan kewujudan unsur-unsur dan elemen ajaran agama Pagan dan agama Yahudi. Kitab suci dirujuk kerana ia diletakkan memiliki nilai *religiousnya* berdasarkan kepercayaan agama Kristian bukannya dilihat dari pandangan yang lain. Oleh itu, *The Old Testament* dan *The New Testament* dilihat sebagai kitab suci utama agama Kristian.

Selain daripada itu, kajian ini turut merujuk Bible Barnaba sebagai satu bentuk perbandingan terhadap kedudukan doktrin dosa warisan. Perbandingan ini dilakukan untuk melihat kebenaran doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian terutamanya dari perspektif Roman Katholik. Bible Barnaba yang ditolak oleh agama Kristian walaupun ianya dipercayai telah dinukilkan oleh salah seorang pengikut setia Jesus Christ turut diletakkan sebagai nilai terhadap doktrin tersebut agar justifikasi dapat dilakukan sebaik mungkin.

Di samping itu, kajian ini turut melihat beberapa pandangan mazhab utama iaitu Orthodoks, Protestant dan Roman Katholik terhadap kedudukan doktrin dosa warisan secara lebih terperinci berbanding perbahasan dalam bab 3 terdahulu.

Analisis-analisis tersebut dilakukan daripada beberapa aspek pandangan iaitu nilai daripada pandangan kitab-kitab suci utama yang

menjadi rujukan agama Kristian, kitab suci yang ditolak dan pandangan-pandangan mazhab utama agama Kristian adalah sebagai usaha menghasilkan analisis sebaik mungkin untuk menilai kedudukan doktrin dosa warisan agama Kristian dan khususnya dari perspektif mazhab Roman Katholik.

B. DOSA WARISAN BERDASARKAN SUMBER LITERATUR DAN SKRIPTUR: SUATU ANALISIS

1. Bukti-bukti Dosa Warisan Berdasarkan *The Old Testament*

Sebagaimana yang telah dibincangkan bahawa *The Old Testament* merupakan salah satu antara kitab suci di dalam agama Kristian. Kesuciannya dilihat daripada kedudukannya yang mempunyai nilai *religious* yang diasaskan kepada keyakinan agama Kristian kerana dipercayai mengandungi ajaran-ajaran nabi Bani Israel yang berkait rapat dengan kedudukan masyarakat Kristian Bani Israel. Selain daripada itu, Bible tersebut merupakan rujukan utama setiap mazhab agama Kristian khususnya mazhab Roman Katholik. Justeru, pandangan agama Kristian turut merupakan pandangan mazhab Roman Katholik kerana ia merupakan gereja dan mazhab yang dominan dalam segala aspek berkaitan agama Kristian. Oleh itu, nilai yang dilihat oleh agama Kristian keseluruhannya adalah nilai berdasarkan gereja dan mazhab Roman Katholik. Ini memandangkan kuasa para *pope* Roman Katholik sebagai suatu kuasa politik yang dominan di dunia memang tidak dapat dinafikan¹ dan dari sudut sejarah pula mazhab ini mempunyai pengaruh

¹ Joseph Bernhart (1939), *The Vatican as a World Power*. New York: Longsman, Green and Co., hal. 146.

yang kuat di dalam Empayar Rom yang menguasai hampir keseluruhan tatacara kehidupan masyarakat Kristian pada waktu itu hingga kini. Tambahan pula perkembangan awal agama Kristian selepas era para *apostle* Jesus Christ berada di bawah pengaruh gereja yang terletak di kota Rom yang akhirnya dikenali sebagai Gereja Barat ataupun Roman Katholik².

Menurut *Genesis* dosa warisan mempunyai kaitan dengan sejarah awal penciptaan manusia. Memandangkan peristiwa-peristiwa tersebut dinyatakan di dalam *Genesis*, kajian ini akan lebih tertumpu kepada *Genesis* untuk melakukan analisis tentang doktrin dosa warisan. Selain daripada itu, kajian turut melihat beberapa *asfar* lain seperti *Psalm*, *Exodus* dan *Daniel* yang turut mengungkapkan secara tidak langsung perkara berkaitan sebagai rujukan dalam analisis kajian.

Penganut agama Kristian dan khususnya Roman Katholik mempercayai bahawa manusia pertama yang diciptakan oleh Tuhan adalah Adam dan kemudiannya diikuti oleh Eve sebagai pasangannya. Kepercayaan mereka ini berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang terkandung di dalam *Genesis*. *Genesis 1:26-27* menceritakan:

"Then God said, "Let us make man in our image, in our likeness, and let them rule over the fish of the sea and birds of the air, over the livestock, over all the earth, and over all the creatures that move along the ground. So God created man in his own image, in the image of God he created him; male and female he created them."

² *Supra* bab 1, hal. 47-49.

Berdasarkan kepada keterangan tersebut, penganut agama Kristian turut mempercayai bahawa manusia adalah makhluk istimewa kerana diciptakan oleh Tuhan berdasarkan imej-Nya. Manusia yang diciptakan oleh Tuhan berdasarkan imej-Nya ini berasal daripada tanah dan kemudian Tuhan meniupkan roh ke dalam diri manusia. *Genesis 2:7* menerangkannya:

"the Lord God formed the man from the dust of the ground and breathed into his nostrils the breath of life, and the man became a living being."

Seterusnya selepas diciptakan Adam, Tuhan meletakkannya di dalam Eden. Namun Adam merasa kesunyian tanpa pasangan di dalam Eden, lalu Tuhan menciptakan pasangannya daripada tulang rusuk Adam dan beliau menamakannya Eve³. Pasangan tersebut bahagia tinggal menetap di dalam Eden. Namun kebahagiaan yang dikecapi tidak lama, kerana mereka telah dipengaruhi oleh seekor *serpent* (penganut Kristian mempercayai *serpent* tersebut adalah syaitan yang menyamar untuk menggoda Adam dan Eve) supaya memakan buah daripada *the tree of knowledge of good and evil*. Justeru, berdasarkan kepada peristiwa tersebut, penganut agama Kristian mempercayai itulah dosa pertama yang telah dilakukan oleh nenek moyang manusia. Akibat daripada perbuatan tersebut, Tuhan telah menjatuhkan hukuman kepada Adam dan Eve dengan memerintahkannya turun ke bumi. Sumpahan juga dikenakan ke atas keturunan mereka berdua khususnya wanita

³ Keterangan lanjut mengenai peristiwa ini dapat dilihat di dalam *The Old Testament (Genesis 2:20-25)*. Sebagai perbandingan lihat juga Che Haslina Abdullah (1993), "Proses Kejadian Manusia dan Matlamat Kehidupannya: Suatu Kajian Perbandingan antara al-Quran dan Bible" (*Dissertasi M.A.*). Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hal. 160-229 dan Khadijah bt. Mohd. Khambari, "Konsep Penciptaan Manusia Menurut Bible", (*Jurnal Fikrah*, Jun 1999). Shah Alam: Institut Teknologi Mara.

akan merasai kesakitan apabila melahirkan anak dan keturunan manusia adalah tidak kekal dan akan mati. Wanita lebih diazab kerana masyarakat Kristian percaya segala dosa pertama itu berpunca daripada pujuhan Eve kepada Adam untuk melanggar perintah Tuhan. *Genesis 3:16-19* menukilkan:

"To the woman he said, "I will greatly increase your pains in childbearing; with pain you will give birth to children. Your desire will be for your husband, and he will rule over you." To Adam he said, "Because you listened to your wife and ate from the tree about which I commanded you, 'You must not eat of it,' "Cursed is the ground because of you; through painful toil you will eat of it all the days of your life. It will produce thorns and thistles for you, and you will eat the plants of the field. By the sweat of your brow you will eat your food until you return to the ground since from it you were taken; for dust you are and to dust you will return."

Berdasarkan kepada frasa terakhir daripada keterangan di atas "... *you return to the ground since from it you were taken; for dust you are and to dust you will return*", penganut agama Kristian mempercayai bahawa kesalahan yang dilakukan oleh Adam dan Eve telah membuatkan manusia menjadi tidak kekal dan akan mati kembali kepada keadaan asal iaitu tanah kerana kerakusannya untuk menjadi seperti Tuhan dengan memakan buah *the tree of knowledge of good and evil*. *Genesis 3:22* mencatatkan:

"And the Lord God said, "The man has now become like one of us, knowing good and evil."

Justeru, tidak hairanlah bahawa antara sebab manusia melakukan dosa adalah kerana ingin menjadi seperti Tuhan ataupun berada di kedudukan yang sama dengan Tuhan. Hajat manusia itu telah tercapai apabila Adam dan Eve memakan buah daripada *the tree of knowledge of good and evil*. Manusia

sedemikian bolehlah diumpamakan seperti seorang anak yang meminta kebenaran daripada keluarganya untuk hidup sendirian kerana ingin merasai kebebasan tanpa perlunya kawalan ibubapa.

Adalah dipercayai apabila turunnya Adam dan Eve ke dunia dosa pertama yang dilakukannya turut sama turun ke dunia. Justeru, dosa telah memasuki dunia dan semua manusia akan cenderung melakukan dosa berasaskan kerana kecenderungan nenek moyang (Adam dan Eve) yang telah melakukan dosa. Dosa sulung yang memasuki dunia tersebut akhirnya diwariskan kepada manusia yang merupakan anak cucu dan darah daging Adam dan Eve. Namun demikian, kajian ini mendapati tidak wujud secara langsung mahupun tidak langsung kenyataan yang menjelaskan bahawa berikutan hukuman daripada Tuhan kepada Adam dan Eve manusia akan mewarisi dosa yang dilakukan oleh mereka berdua. Kenyataan yang memperlihatkan bahawa dengan turunnya Adam dan Eve ke dunia bererti dosa turut diheret sama ke dunia turut tidak dicatatkan oleh sebarang *asfar* dalam *The Old Testament*.

Walau bagaimanapun, masyarakat Kristian mempercayainya kerana bukti pertama kesan daripada dosa dan kejahanan yang dilakukan oleh Adam telah diwariskan kepada anaknya yang sulung iaitu Cain yang telah melakukan dosa dengan membunuh adiknya Abel. Agama Kristian berpendapat keadaan sedemikian berlaku kerana peribadi dan dalaman diri manusia telah rosak akibat daripada kesan dosa pertama yang dilakukan oleh Adam dan Eve.

Pewarisan dosa tersebut kepada manusia telah menyebabkannya hilang pertimbangan untuk melakukan perkara yang baik dan suka mengikut hawa nafsu untuk melakukan perkara yang buruk. Ini dibuktikan apabila ianya digambarkan ke atas Cain sebagai manusia yang telah rosak dan sanggup membunuh adiknya sendiri iaitu Abel yang berjiwa murni. Inilah peristiwa pembunuhan yang pertama di dunia dan penganut agama Kristian melihatnya sebagai suatu kesan daripada dosa warisan⁴.

Bertitiktolak daripada keadaan itu, manusia akan terus melakukan kejahatan dan menentang Tuhan. *The Old Testament* turut menceritakan tentang perbuatan manusia yang menentang Tuhan dan akhirnya menerima hukuman daripada-Nya. Antaranya seperti kisah Noah dengan bahteranya⁵, kisah *Sodomis* yang menyukai kaum sejenis⁶ dan kisah pengikut Moses yang menyembah patung anak lembu emas ketika Moses bermunajat dengan Tuhan di bukit Sinai⁷.

Kedudukan dosa warisan di dalam diri manusia amat besar ertiinya. Justeru, penganut agama Kristian berasa yakin bahawa semua manusia yang dilahirkan ke dunia adalah tidak suci dan mereka ini menanggung dosa warisan. Ini dapat dilihat apabila pengakuan-pengakuan daripada para nabi dan rasul bahawa mereka adalah golongan yang sentiasa berdosa semenjak

⁴ Untuk keterangan lanjut sila lihat *The Old Testament (Genesis 4:1-15)*

⁵ *The Old Testament (Genesis 6 & 7)*.

⁶ *The Old Testament (Genesis 19)*.

⁷ *The Old Testament (Exodus 32)*.

dari dalam kandungan lagi. Keyakinan mereka ini dikukuhkan lagi ketika David berdoa kepada Tuhan seperti yang dinukilkhan oleh ***Psalm 51:1-7***:

"Have mercy on me, O God, according to your unfailing love; according to your great compassion blot out my transgressions. Wash away all my iniquity and cleanse me from my sin. For I know my transgressions, and my sin is always before me. Against you, you only have I sinned and done what is evil in your sight so that you are proved right when you speak and justified when you judge. Surely I was sinful at birth, sinful from the time my mother conceived me. Surely you desire truth in the inner parts (meaning of the Hebrew for this phrase is uncertain); you teach (or you desired.../you taught) me wisdom in the inmost place. Cleanse me with hyssop, and I will be clean; wash me, and I will be whiter than snow."

Frasa kata "*Surely I was sinful at birth, sinful from the time my mother conceived me*" pada tanggapan penganut Kristian merupakan bukti yang jelas bahawa manusia memang tidak suci daripada dosa dan mereka menanggung dosa warisan daripada Adam dan Eve. Ia turut menjelaskan bahawa secara *nature* ataupun keadaan semulajadi manusia adalah kotor dan tidak suci kerana telah dikuasai oleh dosa atau secara khususnya telah dicemari oleh dosa warisan. Justeru, tidak hairanlah bagi penganut agama Kristian terutamanya yang menganut mazhab Orthodoks dan Roman Katholik meyakini bahawa bayi yang dilahirkan adalah berdosa kerana dosa warisan yang ditanggung oleh kedua ibubapanya diturunkan kepada generasi demi generasi dan dari keturunan. Oleh yang demikian, setiap bayi yang baru lahir perlu dibersihkan dirinya daripada dosa warisan dengan melakukan baptis yang dipercayai mempunyai kuasa *sacrament* yang dapat membersihkan dosa tersebut daripadanya secara langsung. Apatah lagi, masyarakat Kristian

khususnya yang bermazhab Roman Katholik meyakini bahawa para paderi berkuasa penuh untuk memberikan kemaafan dan pengampunan ke atas dosa-dosa yang telah dilakukan oleh manusia. Justeru selain daripada baptis, para penganut agama Kristian perlu melakukan *confession* di dalam kehidupan mereka kepada para paderi yang turut mempunyai kuasa yang dikatakan telah diijazahkan oleh Jesus Christ untuk memberikan keampunan dan penghapusan dosa ke atas individu yang melakukan pengakuan dosa kepada paderi.

Gambaran awal kenyataan-kenyataan daripada *The Old Testament* jelas memperlihatkan bahawa penganut agama Kristian meyakini Adam dan Eve telah melanggar perintah Tuhan yang mengakibatkan mereka berdua berdosa. Dosa tersebut merupakan dosa pertama manusia. Akibatnya, dosa tersebut terus hidup dan mengiringi Adam dan Eve ke dunia.

Berdasarkan kepada peristiwa tersebut, manusia turut mewarisi dosa pertama yang dilakukan oleh Adam. Pewarisan dosa tersebut berkembang di kalangan manusia bersama berkembangnya zuriat mereka. Oleh yang demikian, telah menyebabkan keadaan asal dan semulajadi manusia sebagaimana Adam dan Eve yang suci daripada dosa telah menjadi tidak suci dan manusia menjadi terdedah kepada kejahanatan dan dosa kesan daripada dosa warisan yang tinggal menetap di dalam dirinya. Manusia akan mengalami penderitaan rohani dan jasmani. Kelahiran dan kematian merupakan penderitaan asas dan lumrah kepada manusia kesan daripada dosa warisan.

Selain daripada bukti-bukti di atas, kajian ini mendapati tidak ada bukti lain daripada *The Old Testament* yang boleh dikaitkan dengan dosa warisan di dalam agama Kristian. Hanya sebagai suatu pengukuhan kepada kepercayaan Kristian bahawa individu yang melakukan perbuatan dosa dan menentang kehendak Tuhan akan dijatuhi hukuman mati. Ini diasaskan kepada perbuatan Adam dan Eve yang akibatnya manusia menjadi tidak kekal dan akan mati. Justeru perbuatan tersebut berulang dan manusia akan dijatuhi hukuman mati. Sebagai contoh hukuman ke atas kaum Noah, kaum Lot dan bangsa Yahudi atau Bani Israel sebagaimana yang berlaku ke atas para pengikut Moses yang menyembah patung anak lembu emas ketika mereka ditinggalkan oleh Moses yang bermunajat dengan Tuhan di bukit Sinai. Sebagai suatu hukuman di atas perlenggaran menyembah berhala, Tuhan telah menjatuhkan hukuman melalui Moses agar pengikutnya yang menyembah berhala dibunuh jika dosa mereka ingin diampunkan Tuhan. Peristiwa tersebut dinukilkan di dalam *Exodus 32:27-28*:

"Then he said to them, "This is what the LORD, the God of Israel, says: 'Each man strap a sword to his side. Go back and forth through the camp from one end to the other, each killing his brother and friend and neighbour.'" The Levites did as Moses commanded, and that day about three thousand of people died."

Justeru, berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa tersebut, penganut agama Kristian mempercayai bahawa kematian merupakan hukuman yang paling baik ke atas kesalahan dosa yang dilakukan oleh manusia. Hukuman ini bertitik tolak daripada dosa pertama yang dilakukan oleh Adam dan Eve yang telah menyebabkan manusia merasai mati dan menjadi tidak kekal.

Namun perbahasan mengenai dosa warisan tidak akan lengkap jika tidak ditonjolkan siapakah manusia yang paling layak menjadi *scapegoat* untuk menebus dosa warisan. Bukti-bukti kenyataan *scapegoat* telah diisyaratkan sejak awal lagi oleh Tuhan melalui perkhabaran-perkhabaran di dalam *The Old Testament* tentang kedatangan seorang *Messiah* yang akan menyelamatkan bangsa Yahudi daripada kesengsaraan. Menurut agama Kristian, *Messiah* yang dimaksudkan ialah Jesus Christ dan kesengsaraan dimaksudkan merupakan kesengsaraan manusia kesan daripada tanggungannya terhadap dosa warisan.

Kepercayaan agama Kristian dikuatkan lagi berdasarkan ramalan mimpi daripada Daniel yang melihat kedatangan seorang lelaki sebagaimana yang diceritakan di dalam *Daniel 7:13*:

"In my vision at night I looked, and there before me was one like a son of man, coming with the clouds of heaven. He approached the Ancient of Days and was led into his presence. He was given authority, glory and sovereign power; all peoples, nations and men of every language worshipped him. His dominion is an everlasting dominion that will not pass away, and his kingdom is one that will never be destroyed."

Frasa kata "*the son of man, coming with the clouds of heaven*", di dalam ramalan Daniel di atas dipercayai oleh para pengikut agama Kristian ditujukan kepada Jesus Christ yang juga digelar sebagai *the son of man* kerana mempunyai salasilah keturunan daripada David dan dilahirkan oleh Mary yang berketurunan David. Ini diperkuuhkan lagi dengan frasa kata "*coming with the clouds of heaven*", yang diletakkan oleh pengikut agama Kristian

bahawa ianya jelas menunjukkan Jesus Christ itu adalah *son of God* kerana kelahirannya tanpa sentuhan seorang lelaki.

Kedudukan Jesus Christ sebagai *Messiah* kerana ia adalah *son of God* ini diperkuuhkan oleh *Psalm 2: 2-7*:

"The kings of the earth take their stand and the rulers gather together against the LORD and against his Anointed One... I will proclaim, the decree of the LORD: He said to me, "You are my Son; today I have become you Father."

Keterangan tersebut menunjukkan bahawa Tuhan memperakui bahawa *the anointed one* iaitu *Messiah* tersebut adalah *son of God*. Justeru, penganut agama Kristian berpendapat bahawa Jesus Christ itu adalah sebenar-benarnya *son of God* dan atas alasan tersebut Jesus Christ juga adalah seorang *Messiah*. Ini dikukuhkan lagi dengan sejarah hidup Jesus Christ yang dilahirkan tidak berbapa dan keistimewaan-keistimewaan yang dimilikinya adalah seperti Tuhan iaitu antaranya menghidupkan orang yang telah mati. Berikut daripada kenyataan tersebut, Jesus Christ adalah selayaknya membebaskan manusia daripada kesengsaraan dosa warisan melalui penebusannya di tiang salib.

2. Bukti-bukti Dosa Warisan Berdasarkan *The New Testament*

Sumber utama di dalam menentukan tentang kewujudan doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian ialah *The New Testament*. Penganut agama Kristian meyakini bahawa *The New Testament* merupakan sumber *literature* dan *scripture* yang utama di dalam membuktikan semua bentuk doktrin

terutamanya yang menjadi tunjang akidah di dalam agama Kristian adalah benar dan absah. Agama Kristian turut mempercayai bahawa bukti-bukti yang terdapat di dalam *The New Testament* tidak bertentangan dengan kenyataan di dalam *The Old Testament*. Bahkan wujud kesinambungan peristiwa-peristiwa di antara *The Old Testament* dan *The New Testament*. Agama Kristian mengakui bahawa isi kandungan di dalam *The New Testament* lebih berupa pentafsir kepada apa jua ramalan yang terdapat di dalam *The Old Testament* khususnya tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan perutusan *Messiah*.

Untuk mendapatkan penjelasan tentang doktrin dosa warisan di dalam *The New Testament*, kajian ini akan lebih melihat kepada *Epistle of Paul* seperti *Romans*, *1 Corinthians* dan *Acts* yang menceritakan kisah St. Paul dan beberapa buah *epistles* yang berkaitan yang menyebut doktrin dosa warisan. Ini kerana dipercayai bahawa St. Paul adalah orang yang bertanggungjawab memperkenalkannya kepada agama Kristian. Oleh itu, *epistles* lebih dirujuk berbanding *gospel* *Mark*, *Matthew*, *John* dan *Luke* yang lebih merujuk sejarah hidup Jesus Christ.

Menurut agama Kristian, doktrin dosa warisan berkait rapat dengan perutusan *Messiah* yang merupakan *son of God* untuk menebus dosa warisan di dalam diri manusia. Walaupun doktrin ini hanya diasaskan secara rasmi di sekitar kurun ke-5M, namun bukti dan keterangan tentang kewujudannya dikatakan telah terdapat di dalam *The New Testament* khususnya dalam *epistles of Paul*. St. Augustine bijak memanipulasikannya dan meletakkan

dirinya sebagai pengasas doktrin tersebut. Walaupun demikian, perbahasan mengenai doktrin dosa warisan ini telah wujud sebelum St. Augustine lagi sebagaimana yang telah dilakukan oleh Tertullian. Namun ianya bukanlah topik perbincangan yang utama untuk menjadikannya sebagai tunjang akidah di dalam agama Kristian. Selepas usaha tersebut, St. Augustine telah memanfaatkannya dengan merujuk kepada ajaran-ajaran dan nasihat St. Paul tentang dosa warisan untuk mempastikannya berjaya diaplikasikan dengan meletakkannya sebagai doktrin utama agama Kristian.

Sumber utama yang dipetik oleh St. Augustine dan para penganut agama Kristian untuk membuktikan tentang kewujudan doktrin ini ialah daripada *The New Testament*. Manakala daripada *The Old Testamenet* khususnya (*Genesis 3*) dan (*Psalm 51:3*). St. Augustine telah meletakkan kedua-dua keterangan tersebut sebagai bukti utama ke arah kewujudan doktrin dosa warisan yang memperlihatkan bahawa Adam merupakan orang yang pertama melakukan dosa dan telah mewariskan dosa tersebut kepada keturunannya.

Para penganut agama Kristian mempercayai bahawa manusia telah mewarisi dosa warisan akibat perbuatan Adam dan Eve. Ini berdasarkan bukti kukuh yang diambil daripada kenyataan-kenyataan St. Paul di dalam surat beliau kepada orang-orang Rom. ***Romans 5:12-14*** menukilkhan:

"Therefore, just as sin entered the world through one man, and death through sin, and in this way death came to all men, because all sinned - for before the law was given, sin

was in the world. But sin is not taken into account when there is no law. Nevertheless, death reigned from the time of Adam to the time of Moses, even over those who did not sin by breaking a command, as did Adam, who was a pattern of the one to come."

Berdasarkan keterangan di atas, dosa dikatakan memasuki dunia menerusi seorang lelaki ataupun manusia. Manusia yang dimaksudkan keterangan tersebut ialah Adam kerana Adam telah dicampakkan oleh Tuhan ke dunia di atas kesalahannya memakan buah daripada *the tree of knowledge of good and evil*. Justeru, turunnya Adam ke dunia ini membawa bersama dosa beliau dan secara tidak langsung dosa telah memasuki dunia. Akibat daripada dosa tersebut, keseluruhan manusia akan mengalami kematian dan tidak akan hidup kekal selamanya. Oleh yang demikian, pengikut agama Kristian mempercayai bahawa dosa pertama yang memasuki dunia dan telah menyebabkan manusia tidak kekal turut diwariskan kepada keseluruhan generasi manusia. Kenyataan yang menyatakan bahawa kematian merupakan kesan utama daripada dosa yang dilakukan oleh Adam diperkuuhkan lagi melalui surat pertama St. Paul yang dihantar kepada Corinthians sebagaimana yang dinyatakan di dalam *1 Corinthians 15:21*:

"For since death came through a man, the resurrection of the dead comes also through a man"

Kenyataan St. Paul di atas secara jelas cuba menunjukkan bahawa dosa dan kematian yang menyelinap masuk ke dunia adalah disebabkan oleh perbuatan Adam. Oleh kerana ianya dimulakan oleh seorang manusia, maka perkara tersebut perlu juga diakhiri oleh seorang manusia yang juga disebut

sebagai Adam yang kedua (*the second Adam*). Manusia yang dimaksudkan ialah Jesus Christ yang akan membangkitkan semula manusia daripada kematian. Ini jelas kerana agama Kristian berkeyakinan bahawa tugas Jesus Christ selepas beliau dibangkitan daripada kubur ialah untuk mengadili manusia di akhirat kelak. Oleh kerana itu, Jesus Christ adalah orang yang pertama bangkit dari kematian dan beliau dipercayai duduk di sebelah kanan Tuhan untuk mengadili manusia nanti.

Berdasarkan kepada keterangan-keterangan *Romans 5:12-14* dan *I Corinthians 15:22* dapat difahami bahawa ajaran St. Paul tentang doktrin dosa warisan ini diasaskan kepada hubungan manusia dan Adam adalah rapat kerana manusia berketurunan Adam. Oleh itu, manusia adalah bersifat kekal tetapi menjadi tidak kekal akibat dosa Adam. Perubahan ini dikenali sebagai *seminal identity* iaitu daripada keadaan kekal berubah menjadi tidak kekal akibat daripada dosa Adam. *Romans 5:12* mencatatkan:

"Therefore, just as sin entered the world through one man, and death through sin, and in this way death came to all men, because all sinned."

Selain daripada itu, ajaran St. Paul menekankan bahawa keburukan yang dilakukan oleh seorang manusia (Adam) itu telah menyebabkan semua manusia menderita. Namun melalui rahmat seorang manusia juga, maka ianya akan dapat menyelamatkan seluruh keturunan manusia daripada penderitaan yang dialami. Dengan demikian dua perkara dapat digariskan berkaitan dosa pertama yang dilakukan oleh Adam iaitu manusia pewarisan dosa kepada

generasi manusia dan menjadikan manusia tidak bersifat kekal atau *mortal*⁸.

Justeru, Jesus Christ telah dinobatkan sebagai seorang *Messiah* yang diutuskan untuk menyelamatkan sekalian manusia daripada penderitaan tersebut.

Romans 5:15 menyebut:

"But the gift is not like the trespass. For if the many died by the trespass of the one man, how much more did God's grace and the gift that came by the grace of the one man, Jesus Christ, overflow to the many!"

Penganut agama Kristian meyakini bahawa Jesus Christ adalah penebus dosa warisan. Dosa manusia akan terampun dan manusia akan bebas daripada penderitaan dosa warisan melalui penebusan Jesus Christ. Oleh itu, menurut penganut agama Kristian Jesus Christ adalah penegak keadilan. Keadilan ataupun *justification* yang dimaksudkan dalam konteks agama Kristian ialah membebaskan manusia daripada dosa warisan dan dosa-dosa yang lain. Ini kerana dosa warisan itu merupakan suatu ketidakadilan yang berada di dalam diri manusia yang telah menyebabkannya jauh daripada rahmat Tuhan dan mudah terjerumus untuk melakukan dosa. Keadilan tersebut pula tidak dapat ditegakkan walaupun melalui undang-undang Taurat ataupun *Torah* (*The Old Testament*). Justeru, hanya melalui Jesus Christ sahaja keadilan akan dapat ditegakkan apabila dosa warisan dan semua kesalahan dapat dihapuskan. *Acts. 13:38-39* mengukuhkannya:

"Therefore my brothers, I want you to know that through Jesus the forgiveness of sins is proclaimed to you. Through him everyone who believes is justified from everything you could not be justified from by the law of Moses."

⁸ John White (1993), *Eros Redeemed*. Downers Grove, Illinois: Intervarsity Press, hal. 209.

Romans 8:1-4 turut membuktikan kebenaran kepercayaan agama Kristian:

"Therefore there is now no condemnation for those who are in Christ Jesus, because through Christ Jesus the law of the Spirit of life set me free from the law of sin and death. For what the law was powerless to do in that it was weakened by the sinful nature. God did by sending his own Son in the likeness of sinful man to be a sin offering. And so he condemned sin in sinful man, in order that the righteous requirements of the law might be fully met in us, who do not live according to the sinful nature but according to the Spirit."

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas dapat difahami bahawa Jesus Christ merupakan orang yang bertanggungjawab untuk menyelamatkan manusia daripada hukuman Tuhan akibat daripada dosa dan kesalahan Adam dan Eve. Oleh itu, melalui kesatuan seseorang individu dengan Jesus Christ akan membebaskannya daripada hukuman yang telah ditentukan oleh Tuhan iaitu kematian akibat melakukan dosa. Dosa-dosa tersebut dilakukan oleh manusia kerana dipengaruhi oleh keadaan semulajadi mereka yang telah berdosa dan mewarisi dosa warisan. Keterangan tersebut turut relevan dengan pendapat St. Augustine yang membahagikan manusia kepada dua bahagian iaitu *the city of god* dan *the city of men* sebagaimana yang telah diperbahaskan di dalam bab 3. (hal. 213-214).

Sebagai penegak keadilan, Jesus Christ dipercayai sanggup mengorbankan dirinya dan mengalirkan darah beliau di muka bumi. Menurut kepercayaan agama Kristian, bahawa salah satu cara Jesus Christ menegakkan keadilan ialah dengan mengalirkan darahnya di mukabumi ataupun dengan kata lain bayaran yang terpaksa dibayar oleh Jesus Christ untuk menebus

dosa-dosa manusia terutamanya dosa warisan ialah dengan mengalirkan darahnya ataupun *bloodshedding*. Pengaliran darah adalah penting kerana dosa yang hendak ditebus adalah dosa warisan yang mengakibatkan semua manusia tidak kekal. Untuk mengembalikan manusia agar menjadi suci, ia memerlukan penumpahan darah sebagai syarat. Bertitiktolak daripada pengorbanan Jesus Christ, telah meletakkan manusia dan Tuhan berdamai kerana manusia telah suci dan selayaknya menghampiri Tuhan yang suci *Romans 3:22-26* menjelaskan:

"The righteousness from God comes through faith in Jesus Christ to all who believe. There is no difference, for all have sinned and fall short of the glory of God, and are justified freely by his grace through the redemption that came by Christ Jesus. God presented him as a sacrifice of atonement, through faith in his blood. He did this to demonstrate his justice, because in his forbearance he had left the sins committed beforehand unpunished—he did it to demonstrate his justice at the present time, so as to be just and the one who justifies those who have faith in Jesus."

Kesinambungan kepercayaan di atas diperkuuhkan lagi melalui *Romans 5:8-9* yang menyatakan bahawa keadilan itu hanya dapat ditegakkan melalui darah Jesus Christ:

"But God demonstrates his own love for us in this: While we were still sinners, Christ died for us. Since we have now been justified by his blood, how much more we shall be saved from God's wrath through him!"

Menurut penganut agama Kristian, Tuhan telah menunjukkan kasih sayang dan rahmat-Nya kepada manusia apabila Tuhan sanggup menyerahkan *son of God* untuk dikorbankan di tiang salib sebagai pertukaran kepada pengampunan dosa warisan. Menurut agama Kristian, Tuhan telah

menyediakan modus operandi-Nya untuk menyelamatkan manusia daripada dosa warisan dengan menawarkan *son of God* di tiang salib sebagai suatu bentuk korban manusia atau *human sacrifice*. Pengaliran darah diperlukan oleh Tuhan sebagai memenuhi kriteria untuk menebus dosa manusia. Ini kerana tanpa korban, maka tiada pengaliran darah. Tiadanya pengaliran darah bererti tiadanya pengampunan dosa. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam ***Hebrew 9:22***:

"In fact, the law requires that nearly everything be cleansed with blood, and without the shedding of blood there is no forgiveness."

Memandangkan para penganut agama Kristian menganggap dosa warisan merupakan ibu segala dosa, maka wajar dihapuskan supaya dosa tersebut dapat diampuni oleh Tuhan. Justeru, seseorang yang melakukan korban sahaja akan meletakkan dosa warisan tersebut dapat ditebus. Penebusan yang dilakukan hendaklah kekal dan dilakukan sekali sahaja agar dosa warisan yang telah ditebus dapat menyelamatkan sekalian manusia selama-lamanya. Apabila seseorang itu telah diselamatkan daripada dosa, maka selama-lamanya ia akan terselamat. ***John 10:27-29*** mengukuhkannya:

"My sheep listen to my voice; I know them, and they follow me. I give them eternal life, and they shall never perish; no one can snatch them out of my hand. My Father, who was given them to me, is greater than all; no one can snatch them out of my Father's hand."

Romans 8:38-39 turut membuktikannya benar:

"For I am convinced that neither death nor life, neither angels nor demons, neither the present nor the future, nor any powers, neither height nor depth, nor anything else in

all creation, will be able to separate us from the love of God that is in Christ Jesus our Lord."

Penganut agama Kristian mempercayai bahawa dosa pertama yang dilakukan oleh Adam dan Eve itu mempunyai sifat pewarisan sebagaimana manusia yang juga mempunyai anak sebagai waris mereka. Justeru, agama Kristian melihat bahawa dosa tersebut akan diwarisi manusia secara turun temurun daripada ayah diturunkan kepada anak dan daripada anak diturunkan kepada cucu dan begitulah seterusnya. Agama Kristian mempercayai bahawa hubungan seksual memainkan peranan yang penting sebagai pemangkin untuk mewariskan dosa tersebut kepada zuriat seseorang. Agama Kristian mempercayai bahawa anak akan mewarisi segala sifat yang dimiliki oleh kedua ibu bapanya berdasarkan genetik yang anak tersebut perolehi. Begitu juga kedudukan yang diasaskan kepada rohani manusia. Oleh kerana rohani manusia telah rosak akibat dosa warisan, maka ianya turut diwariskan kepada zuriat manusia. Keyakinan agama Kristian ini berdasarkan kepada kenyataan bahawa manusia mewarisi keburukan akhlak daripada keluarga secara semulajadi dan manusia sentiasa bergelumang dengan dosa. Sebagaimana ajaran St. Paul bahawa semua manusia tidak kira bangsa Yahudi ataupun bukan Yahudi merupakan orang yang telah berdosa ataupun dengan kata lain sejak asal lagi telah berdosa seperti yang dinukilkhan oleh **Romans 3:9**:

"What shall we conclude then? Are we any better? Not at all! We have already made the charge that Jews and Gentiles alike are all under sin."

Ephesians 2:1-3 mengukuhkan nukilan St. Paul:

"As for you, you were dead in your transgressions and sins, in which you used to live when you followed the ways of this world and of the ruler of the kingdom of the air, the spirit who is now at work in those who are disobedient. All of us also live among them at one time, gratifying the cravings of our sinful nature and following its desire and thoughts. Like the rest, we were by nature objects of wrath."

Justeru, berdasarkan keterangan-keterangan, ulasan-ulasan dan penjelasan-penjelasan yang dilakukan terhadap *The Old Testament* dan *The New Testament* di atas, dapat dinyatakan di sini bahawa keyakinan pengikut agama Kristian terhadap doktrin dosa warisan adalah suatu keyakinan yang berasaskan penjelasan-penjelasan dan keterangan-keterangan di dalam *The Old Testament* dan *The New Testament*. Keterangan-keterangan tersebut lebih berbentuk umum dan tidak membahaskan doktrin dosa warisan secara langsung. Namun, di atas kebijaksanaan St. Paul dan St. Augustine ajaran doktrin dosa warisan diterima pakai oleh agama Kristian sebagai doktrin utama dan khususnya bagi mazhab Roman Katholik.

Namun, penjelasan umum tidak mencukupi untuk meletakkannya sebagai ajaran asas Jesus Christ. Oleh itu, kajian ini akan menelusurinya lebih lanjut berasaskan keterangan tersebut di atas.

3. Dosa Warisan: Analisis Berdasarkan *The Old Testament* dan *The New Testament*

Berasaskan keterangan-keterangan tentang dosa warisan yang terdapat di dalam *The Old Testament* dan *The New Testament*, menonjolkan bahawa ianya adalah ajaran agama Kristian khususnya mazhab Roman Katholik. Namun, sejauhmana ia benar, absah dan ajaran asal Jesus Christ belum dapat dipastikan secara tuntas. Walaupun dalam perbahasan lalu memperlihatkan ianya mempunyai unsur-unsur amalan dan ajaran Pagan dan agama Yahudi tetapi ianya diletakkan sebagai ajaran Jesus Christ kerana tuntutan dan falsafahnya yang tersendiri. Untuk mencapai tujuan tersebut, kajian ini melihatnya berdasarkan kedua-dua kitab suci agama Kristian yang diyakini mempunyai nilai *religiousnya*.

Menurut kepercayaan agama Kristian dan khususnya Roman Katholik, Jesus Christ adalah *scapegoat* terhadap kesalahan dosa Adam dan Eve dan manusia keseluruhannya. Ini dikukuhkan lagi melalui keterangan di dalam *Romans 3:22-26* sepertimana yang telah dibincangkan terdahulu daripada ini. (hal. 281). Kesatuan diri di antara individu Kristian dan Jesus Christ dapat meletakkan dirinya suci dan berhubung rapat dengan Tuhan yang suci. Oleh itu, rahmat Tuhan sentiasa menyelubunginya kerana dosanya telah terhapus melalui pensaliban Jesus Christ di tiang salib.

Namun, menurut keterangan *Matthew 7:1-2* menjelaskan bahawa manusia adalah bertanggungjawab ke atas dosa yang dilakukannya. Ia tidak

melibatkan orang lain untuk menjadi penebus dosanya. **Matthew 7:1-2** menjelaskan:

"Do not judge, or you too will be judged. For in the same way you judge others, you will be judged, and with the measure you use, it will be measured to you."

Matthew 19:14 turut mengukuhkannya:

"Jesus said, 'Let the little children come to me, and do not hinder them, for the kingdom of heaven belongs to such as these.'

Kedua-dua keterangan tersebut adalah jelas menunjukkan manusia tidak akan memikul kesalahan orang lain. **Matthew 7:1-2** menjelaskan bahawa balasan di atas setiap perbuatan individu itu hendaklah adil dan setiap individu yang berdosa akan dibalas berdasarkan kepada apa yang dilakukan oleh dirinya sendiri bukannya yang dilakukan oleh orang lain. Ini diperkuatkan lagi di dalam **Matthew 19:14** yang dengan jelas menolak pewarisan dosa daripada ayah kepada anak. Oleh itu tidak wujud dosa warisan daripada Adam dan Eve di dalam diri manusia sebagaimana kepercayaan penganut agama Kristian dan khususnya Roman Katholik bahawa setiap bayi yang baru lahir itu tidak suci kerana menanggung dosa warisan. Keterangan tersebut jelas menyatakan bahawa kanak-kanak adalah bebas daripada tanggungan dosa dan kesalahan kerana ia dilahirkan suci dan tidak menanggung dosa warisan. Ini diasaskan kepada nukilan Jesus Christ yang menyatakan bahawa golongan yang sedemikianlah yang akan mewarisi syurga kerana apabila kanak-kanak tersebut mati di usianya yang belum baligh akan menikmati kebahagiaan syurga kerana diri mereka bebas daripada dosa dan kesalahan.

1 Corinthians 3:8 turut mengukuhkannya dengan menunjukkan bahawa manusia tidak menanggung kesalahan (dosa) orang lain, kerana di akhirat kelak manusia akan diberikan balasan berdasarkan kepada apa yang mereka lakukan di dunia bukannya kerana dosa orang lain. Keterangan tersebut menjelaskan:

"The man who plants and the man who waters have one purpose and each will be rewarded according to his own labor."

Ia menjelaskan bahawa berapa kecil sekalipun perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu ianya akan dibalas menurut tahap-tahap perbuatan tersebut. Ia seperti usaha seseorang yang menanam dan yang menyiram tanaman akan mendapat ganjaran berdasarkan usaha sendiri bukannya usaha orang lain.

Ini bererti wujudnya pertentangan di dalam keterangan-keterangan dan bukti-bukti *The New Testament* tentang dosa warisan. Pertentangan tersebut turut wujud di dalam *The Old Testament*. Pertentangan keterangan adalah lebih jelas berbanding keterangan-keterangan di dalam *The New Testament*. Keterangan-keterangan tersebut jelas menyangkal keyakinan para penganut agama Kristian yang menyatakan bahawa Adam dan Eve adalah orang yang bertanggungjawab menyebabkan dosa mereka diwariskan kepada keturunan manusia. Akibatnya manusia dilahirkan dengan menanggung dosa warisan secara semulajadi melalui pewarisan daripada ibubapa kepada anak. *Deuteronomy 24:16* menyebut:

"Fathers shall not be put to death for their children, nor children put to death for their fathers; each is to die for his own sin."

Jeremiah 31:30 menegaskan perkara yang sama sebagaimana nukilannya:

"Instead, everyone will die for his own sin; whoever eats sour grapes-his own teeth will be set on edge."

Seterusnya **Ezeikel 18:17-20** menyokong kedua-dua keterangan di atas yang jelas menyatakan bahawa setiap anak tidak wajar bahkan tidak akan menanggung kesalahan yang telah dilakukan oleh kedua orang tuanya dan begitulah sebaliknya. Oleh itu, manusia tidak akan menanggung dosa kesalahan yang telah dilakukan oleh Adam dan Eve dan Jesus Christ pula tidak akan bertanggungjawab terhadap dosa-dosa yang telah dilakukan oleh manusia. Setiap kebaikan akan ditanggung oleh pelakunya, begitu juga dengan setiap kejahanan: **Ezeikel 18:17-20** menjelaskan:

"...he will not die for his father's sin; he will surely live. But his father will die for his own sin, because he practised extortion, robbed his brother and did what was wrong among his people. Yet you ask, 'Why does the son not share the guilt of his father?' Since the son has done what is just and right and has been careful to keep all my decrees, he will surely live. The soul who sins is the one who will die. The son will not share the guilt of the father, nor will the father share the guilt of the son. The righteousness of the righteous man will be credited to him, and the wickedness of the wicked will be charged against him."

Ketiga-tiga keterangan tersebut dengan jelas membuktikan bahawa Adam dan Eve hanya bertanggungjawab terhadap dosa mereka berdua sahaja dan tidak ada kaitan dengan pewarisan dosa tersebut ke atas orang lain. Ini bererti individu lain tidak mempunyai hak untuk menanggung kesalahan dan

dosa orang lain sebagaimana seorang ayah tidak akan menanggung dosa anaknya. Oleh itu setiap kesalahan ataupun kebaikan yang dilakukan akan diberikan kepada si pelaku dan begitulah sebaliknya.

Kajian ini mendapati bahawa keyakinan para penganut agama Kristian dan khususnya Roman Katholik terhadap pewarisan dosa asal Adam dan Eve diperolehi melalui turunnya Adam dan Eve ke dunia. Ini kerana dosa itu hidup dan berkembang di dunia, tidak di Eden. Ia juga sebagai pencetus dan pendorong kepada manusia melakukan dosa. Sekiranya perkara ini tidak berlaku, bererti dosa tidak mungkin memasuki dunia dan manusia tidak akan melakukan dosa. Apabila dihalusi, ia bertentangan dengan tujuan utama Tuhan ciptakan manusia adalah untuk memakmurkan dunia. Di samping itu, timbul persoalan tentang bagaimana pula Adam dan Eve dikategorikan berdosa sedangkan ketika itu dosa warisan belum lagi wujud. Dosa warisan wujud sepetimana yang diyakini oleh agama Kristian dan khususnya Roman Katholik hanya selepas Adam dan Eve melakukan dosa, justeru semua manusia ter dorong melakukan dosa. Sekiranya ini semua tidak berlaku, pastilah manusia tidak tahu melakukan dosa. Oleh itu, atas alasan apa pula Adam dan Eve melakukan dosa kerana kecenderungan dan pemangkin ke arah perlakukan dosa tidak wujud dan tidak diwarisi daripada sumber-sumber yang boleh dikaitkan dengan dosa. Keadaan ini memperlihatkan bahawa agama Kristian khususnya mazhab Roman Katholik seakan sengaja meletakkan dorongan ke arah melakukan dosa itu adalah akibat dosa yang dilakukan Adam dan Eve dan ia menyebabkan manusia mewarisinya.

Genesis 1:28 menyebut tujuan utama Adam dan Eve dicipta adalah untuk memakmurkan bumi⁹:

"God blessed them and said to them, "Be fruitful and increase in number; fill the earth and subdue it, rule over the fish of the sea and the birds of the air and over every living creature that moves on the ground. "

Keterangan di atas dengan jelas menyebut bahawa tujuan Adam dan Eve diciptakan adalah untuk memenuhi bumi, memakmurkannya dengan memanipulasi setiap makhluk yang terdapat di mukabumi yang telah diciptakan oleh Tuhan dan berkembang biak dengan mempunyai keturunan. Ini menunjukkan bahawa kehidupan Adam dan Eve di syurga (Eden) hanyalah sementara dan apabila tiba masanya mereka berdua akan diturunkan ke bumi. Kesalahan yang dilakukan oleh Adam dan Eve hanyalah sebagai penyebab sahaja dan tidak mempunyai kesan rohani sepetimana kepercayaan pengikut agama Kristian kini yang menyatakan bahawa kesalahan tersebut telah menyebabkan semua keturunan beliau menanggung dosa pertama yang dilakukan oleh keduanya.

Apabila dihalusi keterangan-keterangan lain di dalam *Genesis* sebelum dan selepas Adam melakukan kesalahan adalah didapati bertepatan dan relevan dengan keterangan *Genesis 1:28* di atas. Perbandingan frasa kata di dalam *Genesis 1:30* iaitu sebelum Adam dihukum oleh Tuhan yang menyatakan "- I give every green plant for food" dengan *Genesis 3:18* iaitu

⁹ Lihat juga *The Old Testament (Genesis 1: 26 & 29-30)*

ketika Tuhan menjatuhkan hukuman kepada Adam dan Eve dengan menyatakan "...and you will eat the plants of the field" adalah jelas menunjukkan bahawa tujuan Adam dan Eve diciptakan oleh Tuhan adalah supaya mereka berdua dan keturunannya meneruskan kehidupan di bumi dengan memakmurkannya. Adalah amat jelas sekali bahawa di dalam perancangan Tuhan mencipta Adam dan Eve adalah untuk diletakkan di bumi dan bekembang biak dengan mempunyai keturunan.

Kesalahan yang dilakukan oleh Adam dan Eve sebenarnya bukanlah suatu isu besar seperti yang diyakini oleh penganut agama Kristian kini dan Roman Katholik khususnya bahawa dosa telah memasuki dunia disebabkan Adam telah dihukum supaya turun ke bumi dan akibatnya semua manusia akan mewarisi sumpahan tersebut dengan terus mewarisi dosa Adam dan Eve. Tuhan tidak menyumpah manusia supaya hidup di mukabumi dengan menanggung dosa warisan kerana bumi diciptakan oleh Tuhan untuk manusia memakmurkannya dan itulah ketentuan Tuhan.

Kajian ini mendapati bahawa syaitan (*serpent*) adalah musuh manusia yang utama di dalam mengajak manusia melakukan kejahatan dan dosa. Ia adalah bertepatan dengan amaran Tuhan kepada hamba-hamba-Nya. Bukannya dosa warisan yang telah merosakkan rohani manusia dan mendorong manusia untuk menentang Tuhan dan melakukan dosa sepertimana yang diyakini oleh penganut agama Kristian kini dan khususnya Roman Katholik. Ini kerana Adam dan Eve melakukan dosa disebabkan oleh *serpent*

(syaitan) bukannya atas alasan mewujudkan dosa warisan. Sejarah telah membuktikan peranan *serpent* sebagaimana yang dinyatakan di dalam *The Old Testament*¹⁰.

Kajian ini juga mendapati sepanjang hidup Jesus Christ, beliau tidak pernah mengajarkan kepada penganutnya bahawa darahnya yang dialirkan di tiang salib akan membawa manusia menuju kepada kerajaan Tuhan. Manakala menurut St. Paul pula, cukuplah dengan hanya melalui beberapa upacara wajib di masa-masa tertentu sepanjang tahun, manusia akan mendapat rahmat Tuhan dan menjadi penghuni kerajaan Tuhan dengan syarat meyakini pensaliban Jesus Christ sebagai elemen ke arah penghapusan dosa warisan dan penyatuan diri dengan Jesus Christ. Jesus Christ pula tidak mengajarkan bahawa beliau akan menyelamatkan manusia dengan hanya melalui penyatuan dengan dirinya sahaja. Jika dilihat di dalam *The New Testament*, Jesus Christ dengan jelas menggariskan beberapa perkara yang dapat membahagiakan manusia di akhirat. Ajaran tersebut amat bertentangan sekali dengan apa yang diajarkan oleh St. Paul bahawa hanya dengan darah Jesus Christ sahaja manusia akan bebas daripada dosa (dosa warisan) dan dapat hidup bahagia di dalam kerajaan Tuhan kelak. Begitu banyak kenyataan daripada Jesus Christ yang menyentuh perkara sedemikian dan kebanyakannya boleh dilihat di dalam *The New Testament* (*Matthew*, *Luke* dan *John*). Antaranya *Matthew 19:16-17*:

"Now a man came up to Jesus and asked, 'Teacher, what good thing must I do to get eternal life?' "Why do you ask me about what is good?" Jesus replied. "There is only One

¹⁰ Untuk keterangan lanjut lihat *The Old Testament* (*Genesis 3:1-7*)

who is good. If you want to enter life, obey the commandments."

Seterusnya **Matthew 5:19** menukilkan:

"Anyone who breaks one of least of these commandments and teaches others to do the same will be called least in the kingdom of heaven, but whoever practises and teaches these commands will be called great in the kingdom of heaven."

Matthew 7:21-23 turut mengukuhkannya:

"Not everyone who says to me, 'Lord, Lord,' will enter the kingdom of heaven, but only who does the will of my Father who is in heaven. Many will say to me on that day, 'Lord, Lord, did we not prophesy in your name, and in your name drive out demons and perform many miracles?' Then I will tell them plainly, 'I never knew you. Away from me, you evildoers!'

John 14:12 pula menjelaskan:

"I tell you the truth, anyone who has faith in me will do what I have been doing. He will do even greater things than these, because I am going to my Father."

Kesemua keterangan di atas menjelaskan bahawa manusia tidak akan dapat hidup bahagia di akhirat selagi mereka tidak mengikuti dan melaksanakan apa yang terkandung di dalam *commandments* (Taurat) sebagaimana yang dilakukan oleh Jesus Christ: *".anyone who has faith in me will do what I have been doing"*¹¹. Hanya dengan berbuat demikian sahaja manusia akan dapat menikmati kehidupan yang sebenarnya, bukannya dengan darah beliau dan bukan jua dengan hanya menyeru-nyeru namanya. Ini

¹¹ Untuk keterangan dan bukti yang lebih lanjut boleh dilihat di dalam *The New Testament (Matthew 5:10, 19:21 & 24) (Luke 10:25-28)* dan *(John 5:24 & 8:12)*

bersesuaian dengan kenyataan Jesus Christ yang menyatakan bahawa beliau diutuskan bukan untuk menghapuskan hukum Taurat tetapi adalah untuk melaksanakannya¹².

Berdasarkan kepada perbincangan-perbincangan tersebut memperlihatkan secara umumnya bahawa wujud pertentangan keterangan di dalam *The Old Testament* dan *The New Testament* tentang kesucian manusia dan penanggungan dosa warisan. Ternyata di dalam *The Old Testament* dan *The New Testament* menekankan bahawa manusia adalah suci dan hanya menanggung kesalahannya sahaja, bukannya dosa orang lain. Ini bererti, St. Paul dan St. Augustine bijak mengeksplorasi peristiwa-peristiwa berkaitan dengan perjalanan hidup Adam dan Eve dan Jesus Christ untuk membentuk dan mengaplikasikan doktrin dosa warisan. Idea mengenainya diadaptasi daripada agama-agama Pagan dan agama Yahudi dan disesuaikannya dengan agama Kristian dan kepercayaan masyarakat waktu itu. Ia bertujuan untuk menarik minat para penganut agama Pagan untuk memeluk Kristian.

Selain daripada itu, penganut agama Kristian berpegang teguh mempercayai upacara baptis yang dilakukan dapat menghilangkan dosa warisan dari dalam diri. Namun kenyataannya bertentangan dengan keterangan *The New Testament*. *1 Corinthians 1:14-17* yang menukilkan kata-kata St. Paul:

¹² Lihat *The New Testament* (*Matthew 5:17*)

"I am thankful that I did not baptize any of you except Crispus and Gaius, so no one can say that you were baptized into my name. (Yes, I also baptized the household of Stephanas; beyond that, I don't remember if I baptized anyone else). For Christ did not send me to baptize, but to preach the gospel-not with words of human wisdom, lest the cross of Christ be emptied of its power."

Ini bererti St. Paul sendiri tidak menjamin upacara baptis dapat menghapuskan dosa, sebaliknya keyakinan terhadap pensaliban Jesus Christ adalah lebih utama untuk meleraikan dosa. Berdasarkan kenyataan tersebut juga dapat dilihat bahawa Jesus Christ tidak mengajarkan kepada pengikutnya bahawa beliau diutuskan adalah sebagai seorang penyelamat untuk menebus manusia daripada dosa warisan dan baptis bukanlah suatu upacara *sacrament* yang dapat menghapuskan dosa warisan. Jika tujuan beliau adalah sebagai penebus dosa warisan dan baptis merupakan *sacrament* untuk dosa warisan, nescaya St. Paul akan menyatakan bahawa beliau dihantar oleh Jesus Christ adalah untuk membaptiskan manusia supaya dosa warisan terhapus selain daripada mengajarkan *gospel* dengan katanya "*for Christ send me to baptize, not only to preach gospel*", tetapi secara terang dan jelas St. Paul menyatakan bahawa "*for Christ did not send me to baptize, but to preach gospel...*"

Berdasarkan keterangan tersebut juga dapat dilihat bahawa St. Paul tidak menganggap baptis adalah suatu upacara yang penting sebagaimana anggapan para penganut agama Kristian dan khususnya mazhab Roman Katholik. Ini kerana sepanjang ingatan beliau hanya beberapa orang sahaja termasuk ahli keluarga Stefanus (Stefanus yang dimaksudkan adalah salah

seorang pengikut Jesus Christ yang mati direjam oleh para pendita agama Yahudi yang diperkenankan oleh St. Paul)¹³ yang pernah dibaptiskan oleh beliau. Sedangkan sewajarnya adalah lebih aula bagi beliau untuk membaptiskan seramai mungkin individu Kristian agar dosa warisan terhapus; jika benar baptis itu dapat menghapuskan dosa warisan dan jika benar dosa warisan itu benar-benar wujud serta merupakan ajaran asal Jesus Christ.

Apabila ditelusuri dengan lebih mendalam kenyataan-kenyataan di dalam *The New Testament* akan didapati kenyataan dan ajaran St. Paul tentang upacara baptis adalah tidak tetap dan konsisten yang membuktikan St. Paul tidak memberatkan upacara baptis sebagai penebus dosa berbanding dengan keyakinan masyarakat Kristian kini. Ini kerana beliau menolak bentuk upacara baptis yang dilakukan oleh *John the Baptist* yang lebih menjurus kepada keampunan dosa. Beliau lebih menerima upacara baptis sebagai pengakuan seseorang itu menjadi Kristian. Hal ini dirujuk apabila beliau menyuruh dua belas orang pengikut Jesus Christ yang telah dibaptis oleh *John the Baptist* agar dibaptis semula atas nama Jesus Christ¹⁴. Oleh itu definisi baptis bagi St. Paul adalah lebih merujuk kepada kemasukan seseorang itu ke dalam agama Kristian. Berlawanan pula dengan keyakinan St. Peter yang lebih menerima konsep baptis sebagai penebus dosa dan pengakuan seseorang itu untuk menjadi seorang Kristian¹⁵.

¹³ Lihat *The New Testament (Acts. 7:54-60)* tentang bagaimana Stephanus mati direjam.

¹⁴ Lihat *The New Testament (Acts. 19:4-7)* dan *supra* bab 3 hal. 227.

¹⁵ Lihat *The New Testament (Acts. 2:38)*.

Tambahan pula St. Paul ada menyatakan bahawa Adam itu adalah manusia yang bebas daripada dosa. Ini menunjukkan bukan Jesus Christ sahaja yang bebas daripada dosa, tetapi orang lain juga yang menjadi insan pilihan Tuhan adalah manusia yang bebas daripada dosa. *Romans 5:14* menyatakan:

"Nevertheless, death reigned from the time of Adam to the time of Moses, even over those who did not sin by breaking a command, as did Adam, who was a pattern of the one to come."

Adalah jelas untuk dinyatakan juga bahawa Jesus Christ adalah manusia biasa yang diutuskan Tuhan bukannya anak Tuhan yang diutuskan untuk menebus dosa warisan. Jesus Christ sendiri menyatakan bahawa beliau diutuskan ke dunia adalah untuk menyempurnakan ajaran Taurat yang telah diselewengkan oleh para pendita Yahudi.

Berdasarkan kepada ulasan daripada *The Old Testament* dan *The New Testament* telah memperlihatkan dengan jelas bahawa Bible yang dipercayai oleh para pengikut agama Kristian kini boleh dipertikaikan kesahihannya dan autoritinya sebagai sebuah kitab suci. Terdapat banyak kesalahan dan kesilapan yang membuatkan ianya kehilangan autoriti sebagai sebuah kitab suci yang diakui sebagai wahyu daripada Tuhan. Walaupun terdapat jaminan di dalam *The New Testament* yang menunjukkan bahawa ianya adalah wahyu Tuhan, tetapi tidak ada jaminan yang ianya terselamat daripada sebarang perubahan. Ini berbeza daripada al-Qur'an. Selain jaminan ianya adalah wahyu daripada Ilahi ianya juga dijamin oleh Allah s.w.t tidak akan berubah sehingga

hari kiamat. Allah s.w.t mencabar sekalian manusia yang tidak mempercayai al-Qur'an agar membina satu surah selain daripada al-Qur'an yang setanding dengannya¹⁶. Malahan sehingga kini setelah hampir 15 kurun cabaran tersebut difirmankan oleh Allah s.w.t, tidak ada seorang manusia pun yang mampu mahupun berjaya mencipta walaupun satu ayat seperti al-Qur'an.

Kepsuuan dan perubahan yang berlaku di dalam *The New Testament* ini diperkuuhkan lagi melalui hasil kajian yang telah dilakukan oleh Stephen Neill melalui buku tulisannya *The Interpretation of The New Testament* bahawa kesahihan kitab *The New Testament* adalah diragui. Ini kerana beliau mendapati tidak ada satu pun daripada pelbagai variasi termasuk versi yang popular di kalangan penganut agama Kristian kini seperti *Authorized Version*, *English Revised Version* dan *Revised Standard Version* yang boleh diperakui sebagai kitab suci yang benar-benar tidak mempunyai sebarang kesalahan. Beliau melihat bahawa semua kitab tersebut mempunyai kesalahan terutamanya daripada segi pengertian makna istilah yang diterjemahkan daripada bahasa Greek kepada bahasa-bahasa lain. Menurut Neill, pendapat yang meletakkan kitab suci Bible ini terjamin kesuciannya kerana di antara tulisan terawal dan tertua bukanlah satu pendapat yang autoriti. Tetapi sebaliknya ia telah memperlihatkan pertambahan dan perubahan sepertimana yang berlaku ke atas *gospel Mark* yang telah ditambah sebanyak 18 ayat di dalam *Mark 16:9-20*. Keterangan-keterangan di dalam *gospel Mark* yang asal

¹⁶ Lihat *al-Qur'an (al-Baqarah 2:23)*, (*Yūnus 10:38*) dan (*Hūd 11:13*).

dipercayai berakhir hingga kepada keterangan *Mark 16:8*¹⁷ sahaja dan bukannya *Mark 16:9-20*.

Bertitik tolak daripada kenyataan tersebut menjelaskan bahawa tidak wujud teks yang asal dan ditulis sendiri oleh Jesus Christ. Oleh kerana itu, Bible yang diakui suci ini memuatkan segala kepincangan baik dari segi ajaran dan isi kandungannya mahupun jalan cerita setiap peristiwa. Walaupun dikatakan teks asal bible ditulis di dalam bahasa Greek, namun ianya tidak dapat lari daripada kesalahan seperti kesalahan tulisan sebagaimana yang dinyatakan oleh Stephen Neill yang menyatakan bahawa manuskrip tua adalah penuh dengan kesilapan dari segi salinan (tulisan)¹⁸. Tambahan pula teks tersebut telah banyak disalin dan diterjemah semula ke dalam bahasa lain seperti Inggeris, Jerman dan Arab. Oleh kerana salinan teks bahasa asal (Greek) tidak disertakan di dalam setiap terjemahan bahasa lain memungkinkan lagi keberangkalian berlakunya salah terjemah perkataan-perkataan tertentu adalah begitu besar. Lama kelamaan teks asal akan dilupakan dan manusia akan memahami teks berdasarkan bahasa yang difahami tanpa mengetahui kehendak asal sesuatu ayat sebagaimana kehendak teks asal. Akibatnya manusia tidak akan menyedari bahawa terdapatnya kesilapan di dalam teks alih bahasa. Hal yang sedemikian tidak akan berlaku kepada al-Qur'an kerana setiap terjemahan ke dalam bahasa selain daripada

¹⁷ Stephen Neill (1964), *The Interpretation of The New Testament*. London: Oxford University Press, hal. 75.

¹⁸ *Ibid*, hal. 67.

bahasa Arab akan disertakan dengan teks asal yang ditulis di dalam bahasa Arab.

Kenyataan kajian ini diperakui oleh Ahmed Deedat yang merupakan seorang yang pakar di dalam ilmu perbandingan agama dan merupakan ahli debat menyatakan bahawa para paderi Kristian telah dengan sengaja mengubah makna *paracelete*¹⁹ di dalam bahasa Greek yang ertiannya *comforter* di dalam bahasa Inggeris kepada makna *the Holy Ghost* sedangkan jika dilihat makna *holy ghost* di dalam bahasa Greek ialah *pneuma* bukannya *paracelete*. Justeru, bagi pembaca yang tidak mengetahui bahasa Greek akan mudah terpedaya dengan makna *holy ghost* sebagaimana yang ditulis di dalam Bible dan kehendak sebenar ajaran tidak kesampaian²⁰.

Pandangan dan komentar yang diberikan oleh Ahmed Deedat di atas telah terlebih dahulu dibahaskan oleh Dr. Maurice Bucaille di dalam bukunya yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris iaitu *The Bible The Qur'an and Science*. Namun begitu, beliau lebih senang memberikan makna *paraclet* kepada makna juru syafaat. Dr. Maurice menjelaskan bahawa terdapatnya pertentangan di antara *gospel John* dengan surat pertama John ataupun *1 John* yang mana kedua-duanya didakwa ditulis oleh John salah seorang *apostle* Jesus Christ. Di dalam *gospel John*, Jesus Christ akan

¹⁹ Lihat *The New Testament (John 14:26)*.

²⁰ Untuk keterangan lanjut boleh dilihat di dalam tulisan Ahmed Deedat (1992), *Muhammad The Natural Successor To Christ*, hal. 23-29 yang diedarkan sempena kedatangannya ke Malaysia pada tahun 1992.

mendoakan kepada Tuhan agar mengutuskan seorang *paraclet* yang akan datang selepasnya²¹. Kalimah *paraclet* di dalam *gospel John* tersebut telah ditafsirkan oleh John dan para penganut agama Kristian sebagai *The Holy Spirit*²² yang boleh mendengar dan berkata-kata untuk menyampaikan apa yang didengarnya. Namun pertentangan pula wujud di dalam *1 John* yang merujuk kalimah *paraclete* kepada Jesus Christ yang dieritkan sebagai juru syafa'at²³.

Di dalam komentarnya, Dr. Maurice Bucaille menyatakan bahawa *paraclete* yang disebutkan oleh John adalah seorang manusia seperti Jesus Christ yang dianugerahi Tuhan anggota untuk mendengar dan berbicara yang diakui dalam teks Yunani secara formal²⁴. Justeru, ianya menunjukkan bahawa Jesus Christ secara rasmi mengumumkan kedatangan seorang nabi selepas dirinya yang juga akan menerima wahyu daripada Tuhan dan menyampaikannya kepada orang ramai sebagaimana yang dilakukan olehnya. Kenyataan ini selari dengan apa yang dinyatakan di dalam *Bible Barnaba* dan *al-Qur'an* yang menyatakan Jesus Christ menyebut kedatangan seorang nabi selepasnya iaitu nabi Muhammad s. c.a.w²⁵.

²¹ Lihat *The New Testament (John 14:15-16)*.

²² Lihat *The New Testament (John 14:26, 15:26, 16:7-8 & 13-14)*

²³ Lihat Maurice Bucaille (1983), *The Bible The Qur'an and Science*, hal. 113 dan teks *The New Testament (1 John 2:1)* dalam bahasa Yunani sebagaimana yang dirujuk oleh Dr. Maurice Bucaille. Manakala teks di dalam bahasa Inggeris kalimah *paraclet* tersebut tidak ada dinyatakan.

²⁴ Maurice Bucaille (1983), *The Bible The Qur'an and Science*, hal. 115.

²⁵ Sebagai suatu perbandingan lihat *Bible Barnaba* (p.121, c.96), (p.123-124, c.97) dan (p. 271, c.220) dan *al-Qur'an (al-Saf 61:6)*.

Justeru, Dr. Maurice Bucaille berkeyakinan bahawa kalimah *The Holy Spirit* dalam teks yang ada kini merupakan suatu penambahan agar ianya selari dengan ajaran gereja yang menyatakan bahawa Jesus Christ itu adalah nabi yang terakhir²⁶ kerana jika kalimah *The Holy Spirit* ditiadakan dari teks adalah jelas ianya membuktikan kedatangan seorang nabi yang terakhir selepas Jesus Christ.

Ini bererti Bible hanyalah sebuah kitab suci yang memiliki nilai *religiousnya* yang dilihat dari perspektif keyakinan masyarakat Kristian khususnya mazhab Roman Katholik semata. Ia bukannya kitab suci agama yang suci berasaskan kedudukannya sebagai wahyu Tuhan sepermula al-Qur'an. Ia tidak ubah seperti kitab sejarah Jesus Christ dan para *apostle* serta peristiwa-peristiwa kehidupan dan perjalanan St. Paul.

C. DOSA WARISAN: ANALISIS BERDASARKAN BIBLE BARNABA

Terdapat pelbagai pandangan tentang biografi Barnaba. Sebahagian pendapat menyebut Barnaba adalah salah seorang daripada dua belas orang pengikut setia Jesus Christ atau *Hawariyyun* sepermula yang dijelaskan dalam Bible Barnaba. Manakala menurut *The New Testament*, Barnaba adalah di antara individu yang membantu golongan *Hawariyyun* melalui sokongan material dan tenaga. Barnaba turut pernah dicalonkan untuk menjadi pengganti Judas Iscariot yang telah belot terhadap Jesus Christ untuk menggembeling

²⁶ Maurice Bucaille (1983), *The Bible The Qur'an and Science*, hal. 115

tenaga bersama-bersama golongan *Hawariyyun*. Namun, beliau tewas kepada Mathias²⁷ dan ia hanya menjadi pembantu kepada golongan *Hawariyyun*. Berasaskan pendapat tersebut jelas memperlihatkan bahawa Barnaba adalah salah seorang pengikut setia ajaran Jesus Christ kerana sanggup berkorban demi untuk perkembangan ajaran Jesus Christ. Walaupun tidak dapat ditentukan tentang identiti diri Barnaba, ternyata Barnaba diletakkan sebagai salah seorang yang telah turut mewarnai sejarah agama Kristian, khususnya melalui tulisannya yang dikenali sebagai Bible Barnaba.

Bible Barnaba ini turut diperbahaskan oleh sarjana-sarjana Barat khususnya para teologi Kristian Roman Katholik yang secara jelas menolaknya dan meletakkannya sebagai bidaah atau *heresy*. Pope Galasius telah mengharamkannya pada tahun 492M berdasarkan deklarasi Persidangan Nicea 325M yang hanya mengiktiraf empat buah *gospel* iaitu *Mark*, *Matthew*, *Luke* dan *John* sebagai sah. Bishop Ireaneus turut meletakkan Bible Barnaba sebagai *heresy* dalam tulisannya *Adverse Haereses*.

Perbahasan mengenai Bible Barnaba terus hangat diperkatakan apabila naskahnya yang ditulis dalam bahasa Itali ditemui pada penghujung abad ke-16M. Perbincangan lebih menjurus tentang siapa penulis sebenar Bible Barnaba yang telah diletakkan sebagai *heresy*. Terdapat pelbagai pendapat mengenainya. Keadaan ini timbul kerana didapati isi kandungan Bible

²⁷ Lihat *The New Testament (Acts. 2:21-26)*

Barnaba lebih terpengaruh dengan *Bible Codex Sinaiticus* dan beberapa cerita yang termuat di dalamnya lebih menjurus kepada era awal 1300M.

Sebagai contoh, Bible Barnaba telah memberikan maksud kepada istilah jubli bererti satu ratus tahun. "... insomuch that the year of jubilee, which now cometh every hundred years..." *Bible Barnaba* (p.104, c.82). Manakala menurut bangsa Yahudi, jubli yang berasal daripada bahasa Hebrew membawa maksud lima puluh tahun sebagaimana yang disebut dalam *Leviticus 25:11* iaitu "The fiftieth year shall be a jubilee for you"

Pengertian yang diberikan oleh Bible Barnaba menunjukkan pengarangnya terpengaruh dengan definisi yang disebut oleh Pope Boniface VIII pada tahun 1300M²⁸ dan disebut semula oleh Pope Clement VI pada tahun 1343M²⁹. Ia memberi gambaran bahawa Bible Barnaba telah ditulis pada seawal tahun 1300M. Ini bererti, Bible Barnaba bukan ditulis oleh Barnaba yang telah berkorban material dan tenaga demi untuk ajaran Jesus Christ dan yang telah memutuskan persahabatan dengan St. Paul dan mendorongnya menulis Bible Barnaba untuk menolak ajaran St. Paul.

²⁸ Pada tahun 1300M Pope Boniface VIII menyatakan hitungan untuk jubli ialah satu ratus tahun dan pada tahun tersebut merupakan sambutan jubli yang pertama di dalam agama Kristian yang diperkenalkan oleh Pope Boniface VIII untuk menyambut ulangtahun kelahiran Jesus Christ yang juga dikenali sebagai *Holy Years*. Lihat *New Catholic Encyclopedia*, hal. 108 dan William E. Addis and Donald Attwater (1951), *A Catholic Dictionary*, hal. 486.

²⁹ Manakala pada tahun 1342/1343M Pope Clement VI pula mengisyiharkan sambutan jubli di dalam agama Kristian ataupun *Holy Years* adalah untuk lima puluh tahun. *Ibid.*

Namun, didapati bahawa pengharaman Bible Barnaba adalah bertitiktolak daripada deklarasi Persidangan Nicea 325M. Ia membawa maksud bahawa Bible tersebut telah ditulis seawal daripada tahun 325M dan merujuk kepada Barnaba yang disebut oleh *The New Testament*. Adalah tidak mungkin, pengharaman dibuat tanpa bukti kewujudan yang dikatakan haram kerana membawa perkara bidaah.

Adalah lebih relevan Bible Barnaba dikaitkan dengan Barnaba yang disebut sebagai orang yang bertanggungjawab menyedarkan umat Kristian agar tidak terpengaruh dengan ajaran St. Paul. Oleh kerana tujuannya yang baik itu telah ditolak oleh Gereja Katholik yang terpengaruh dengan ajaran-ajaran St. Paul dan meletakkannya sebagai *heresy* kerana berbeza dengan ajaran St. Paul. Isi kandungannya yang dikatakan terpengaruh dengan suasana istilah 1300M tidak membutikannya sebagai Bible yang ditulis waktu itu. Ini kerana apabila dilihat kepada naskhah yang ditemui berbahasa Itali, kemungkinan ia telah dialihbahasa adalah pasti. Ini kerana Bible Barnaba yang asal telah ditulis dalam bahasa *Aramaic Hebrew*. Oleh kerana alihbahasa itu, kedapatan beberapa istilah baru ditemui dalam Bible Barnaba yang dipercayai penterjemahan ini dilakukan pada awal tahun tersebut. Justeru, kesilapan penafsiran maksud jubli mungkin berlaku ketika penterjemahan tersebut dilakukan yang berkemungkinan telah terpengaruh dengan terjemahan semasa maksud jubli di dalam agama Kristian. Ini kerana hitungan lima puluh tahun bagi jubli mengikut kitab *The Old Testament* tidak diterima pakai oleh agama Kristian kini dan ianya sentiasa berubah-ubah mengikut kehendak para pope

mereka. Keadaan ini dapat dilihat kerana bagi dunia Kristian moden khususnya mazhab Roman Katholik telah mengiktiraf dan menetapkan hitungan dua puluh lima tahun adalah kiraan untuk jubli³⁰ yang jelas bertentangan dengan kehendak maksud jubli sebenar sebagaimana yang dinyatakan di dalam *The Old Testament*.

Walau apapun pendapat tentang identiti Bible Barnaba, ternyata ia di antara Bible yang ditolak keras oleh Gereja Katholik kerana kandungannya jauh berbeza daripada ajaran Gereja Katholik dan Kristian umumnya. Atas alasan ini ia diletakkan sebagai *heresy*.

Ini membawa maksud bahawa isi kandungannya tidak mengungkapkan sebarang bentuk ajaran-ajaran yang diperkenalkan oleh St. Paul. Bahkan antara tujuan penulisan Bible Barnaba adalah untuk menjelaskan ajaran sebenar Jesus Christ dan menolak ajaran St. Paul³¹.

Berikutnya alasan tersebut, kajian ini turut menelusuri doktrin dosa warisan daripada perspektif Bible Barnaba. Ia dilakukan dalam usaha mendapatkan kepastian sama ada Jesus Christ turut menjelaskan tentang doktrin tersebut. Ini kerana diketahui setakat kajian yang telah dilakukan, doktrin dosa warisan adalah adaptasi daripada ajaran dan falsafah agama

³⁰ *Ibid.*, dan *New Catholic Encyclopedia*, hal. 108.

³¹ Sebagai perbandingan lihat *The New Testament (Acts. 15:36-41)* sebab-sebab Barnaba mengasingkan diri daripada St. Paul.

Pagan dan agama Yahudi yang diperkenalkan oleh St. Paul. Untuk mendapatkan gambaran lebih jelas tentang perkara tersebut, analisis turut dilakukan menurut Bible Barnaba. Apatah lagi tidak terdapat sebuah teks asli daripada Jesus Christ yang dapat menjelaskan ajaran-ajarannya. Hanya melalui al-Qur'an telah disebut bahawa ajaran nabi Isa °a.s telah diselewengkan daripada ajaran asal.

Atas alasan kajian ini berbentuk ilmiah, adalah selaras perbahasan turut melihat kepada perspektif Bible Barnaba yang telah ditolak oleh Gereja Katholik dan Kristian untuk mendapatkan penjelasan lebih mendalam tentang dosa warisan yang dibawa oleh St. Paul. Ini kerana Bible Barnaba telah menolak ajaran St. Paul, bererti ia turut membincangkannya dalam waktu penolakannya. Oleh itu, kajian ini cuba melihat perbincangan Bible Barnaba mengenai perkara tersebut.

Bible Barnaba menekankan kedudukan Jesus Christ adalah sebagai utusan Tuhan yang tidak memiliki kekuasaan melainkan dengan keizinan Tuhan. Ini kerana pengikut agama Kristian melihat keupayaan-keupayaan istimewa yang dipunyai Jesus Christ adalah salah satu bukti yang menunjukkan beliau adalah *son of God*. Bible Barnaba menekankan bahawa melalui keizinan Tuhan, Jesus Christ berupaya mengubati beberapa penyakit berbahaya seperti kusta, buta dan rasukan syaitan. Jesus Christ turut mampu menyembuhkan lumpuh dan menghidupkan kembali orang yang telah mati melalui keizinan Tuhan. Anugerah Tuhan kepada Jesus Christ ini disebut

sebagai mukjizat³². Jesus Christ turut menegaskan sewajarnya setiap individu memohon anugerah daripada Tuhan dan melarang memintanya daripada Jesus Christ. **Bible Barnaba (p.110, c.11)**³³ menerangkan:

"The leper answered: 'Lord, give me health.' Jesus reproved him, saying: 'Thou art foolish; pray to God who created thee, and will give thee health; for I am a man, as thou art."

Jesus Christ turut menitikberatkan kepada setiap penganutnya mengenai ajarannya agar memohon keampunan daripada Tuhan kerana hanya Allah sahaja mampu memberi keampunan. Manusia adalah makhluk Tuhan yang tidak berdaya dan tidak berkuasa untuk menghapuskan dosa. Kesalahan sesama manusia sahaja dapat dimaafkan oleh manusia, tetapi kesalahan menentang dan mengingkari ajaran Tuhan, diampunkan oleh-Nya sahaja. Jesus Christ telah menitipkan ajarannya kepada para pengikut setianya tentang cara-cara memohon keampunan daripada Tuhan seperti yang dinukilkkan oleh **Bible Barnaba (p.48, c.37)**:

"The disciples wept at the words of Jesus and besought him, saying: 'Lord, teach us to make prayer. Jesus answered: 'Consider what you would do if the Roman governer seized you to put you to death and that same do ye when ye go to make prayer. And let your words be these: 'O Lord our God, hallowed be thy holy name, thy kingdom come in us, thy will be done always, and as it is done in heaven so be it done in earth, give us the bread for every day, and forgive us our sins, as we forgive them that sin against us, and suffer us not to fall into temptations, but deliver us from evil, for thou art alone our God, to whom pertaineth glory and honour for ever."

³² Lihat **Bible Barnaba (p.10, c.11), (p.14, c.15), (p.16, c.15), (p.22, c.20)** dan (**p.24, c.20**).

³³ Lihat juga **Bible Barnaba (p.21, c.19)**.

Bible Barnaba turut menegaskan bahawa perutusan Jesus Christ bukanlah sebagai penebus dosa. Ini berbeza dengan pandangan dan keyakinan penganut agama Kristian khususnya mazhab Roman Katholik yang mempercayai bahawa salah satu tujuan Jesus Christ diutuskan ke dunia adalah untuk menebus dosa warisan. Jesus Christ dengan jelas menyatakan bahawa hanya Tuhan sahaja yang boleh mengampunkan dosa individu, bukan dirinya dan bukan juga manusia lain. Kenyataan ini juga jelas menolak anggapan penganut agama Kristian bahawa Jesus Christ adalah seorang penebus dosa dan para paderi mereka adalah orang yang mampu untuk menerima dan memberikan keampunan seseorang daripada dosa-dosa mereka. **Bible Barnaba (p.90, c.71)** menjelaskan:

"Then Jesus said: "As God liveth, I am not able to forgive sins, nor is any man, but God alone forgiveth. But as servant of God I can beseech him for the sins of others; and so I have besought him for this sick man, and I am sure that God hath heard my prayer. Wherefore, that ye may know the truth, I say to this sick man: "In the name of the God of our fathers, the God of Abraham and his sons, rise up healed!", and when Jesus had said this the sick man rose up healed, and glorified God."

Berasaskan keterangan dalam Bible Barnaba memperlihatkan bahawa Jesus Christ adalah utusan Tuhan yang menyeru setiap individu mendekatkan dirinya kepada Tuhan demi kesejahteraan dan mencapai keredaan-Nya. Ternyata Jesus Christ bukanlah *son of God* atau *man of God*.

Selain daripada itu, Bible Barnaba menjelaskan bahawa menurut ajaran Jesus Christ individu terdorong melakukan dosa dan kejahatan kerana hasutan

syaitan. Ini diasaskan kepada peristiwa kesalahan Adam dan Eve melanggar perintah Tuhan kerana hasutan syaitan. Bible Barnaba turut menukilkan ajaran Jesus Christ tentang penghindaran daripada melakukan dosa. Ini kerana sepetimana yang dinukilkhan oleh Barnaba, Jesus Christ menyebut bahawa rohani setiap manusia adalah mulia. Namun jasadnya atau fizikal seseorang itu sentiasa ter dorong ke arah menentang Tuhan. Oleh itu, setiap individu itu perlu menjaga diri agar tidak terpengaruh dengan pujukan jasad dan syaitan.

Bible Barnaba (p.28, c.24) menyatakan:

"Having said this, Jesus wept saying: 'Wae to those who are servants to their flesh, for they are sure not to have any good in the other life, but only torments for their sins."

Bible Barnaba (p.26-27, c.23) mengukuhkannya lagi:

"his flesh rebelled against the spirit" dan katanya lagi di dalam ayat yang sama *"Jesus spoken again, saying: 'The spirit in many is ready in the service of God, but the flesh is weak."*

Keterangan-keterangan tersebut menjelaskan bahawa rohani manusia adalah sentiasa patuh dan tunduk kepada kehendak Tuhan. Namun, kesombongan jasad yang terhasut oleh syaitan sentiasa menentang Tuhan. Oleh kerana hasutan syaitan memujuk Adam dan Eve agar kekal seperti Tuhan telah mendorong fizikalnya melakukan kesalahan mendekati pohon larangan Tuhan yang digambarkan oleh Bible Barnaba sebagai buah epal³⁴. Menurut ajaran Jesus Christ, manusia menentang dan memberontak kepada Tuhan

³⁴ Lihat **Bible Barnaba (p.51, c.39)**.

kerana jiwanya telah dipengaruhi dan dihasut syaitan. *Bible Barnaba* (*p.54, c.41*) dan (*p.26, c.23*) menukilkhan:

0" And thus, said Jesus, 'Sinned Satan and Adam through pride, the one by despising man, the other by wishing to make himself equal with God."

"Then said Jesus: ' Adam the first man having eaten, by fraud of satan, the food forbidden of God in paradise, his flesh rebelled against the spirit."

Selain daripada itu, Bible Barnaba turut mencatatkan bahawa Jesus Christ tidak pernah menyebut mengenai pewarisan dosa berdasarkan kesalahan Adam dan Eve. Ini kerana keampunan telah diberikan Tuhan melalui penyesalan yang dibuat oleh Adam dan Eve. Justeru tidak timbul soal dosa asal atau dosa warisan. Perlakuan dosa yang dilakukan oleh generasi manusia adalah atas tuntutan hawa nafsu yang telah dihasut oleh syaitan.

Manakala dalam soal peristiwa yang mengheret Jesus Christ disalib dijelaskan oleh Barnaba sebagai pakatan jahat atau konspirasi bangsa Yahudi khususnya para pemimpin tertinggi agama Yahudi yang tidak senang dengan ajaran Jesus Christ telah memfitnahnya sebagai penghasut rakyat supaya tidak membayar cukai kepada Kaisar. Namun, Bible Barnaba menjelaskan bahawa bukan Jesus Christ yang disalib tetapi Judas Iscariot yang telah belot kepada Jesus Christ diserupukan oleh Tuhan seperti wajah Jesus Christ³⁵. Ini bererti

³⁵ Lihat *Bible Barnaba* (*p.262-268, c. 215-222*).

tidak timbul perbahasan tentang Jesus Christ telah mati disalib. Jesus Christ sebaliknya telah diselamatkan Tuhan.

Di samping itu, Bible Barnaba turut menyebut perakuan Jesus Christ tentang kedatangan nabi Muhammad sebagai nabi terakhir³⁶ untuk menyeru manusia mentauhidkan Allah dan menuju keredaan-Nya. Oleh itu, tidak timbul soal Jesus Christ itu adalah *son of God* dan *man of God*. Justeru, tidak timbul perbahasan yang meletakkan perantara atau *scapegoat* bagi menebus dosa-dosa individu lain.

Ternyata, Bible Barnaba lebih menekankan soal pengampunan dosa secara langsung daripada individu terbabit terus kepada Tuhan. Ini bererti, doktrin dosa warisan tidak diajarkan oleh Jesus Christ. Oleh itu adalah menepati meletakkannya sebagai doktrin yang diperkenalkan oleh St. Paul yang diadaptasi daripada ajaran-ajaran agama Pagan dan agama Yahudi. St. Augustine telah merealisasikannya sebagai ajaran utama agama Kristian. Atas alasan inilah, Bible Barnaba ditolak kerana tidak mempunyai sebarang keterangan ataupun unsur-unsur yang boleh dieksplotasikan sebagai bukti kenyataan tentang kewujudan doktrin dosa warisan dan doktrin-doktrin lain yang diajarkan oleh St. Paul di dalam agama Kristian.

³⁶ Lihat *Bible Barnaba* (p.121, c.96), (p.123-124, c.97) dan (p. 271, c.220).

Ini berbeza daripada *gospel-gospel* dan *epistles* di dalam Bible yang sekalipun tidak menunjukkan bukti langsung tentang doktrin dosa warisan tetapi tetap menonjolkan unsur-unsur yang boleh dieksplotasi sebagai asas kepada pembentukan doktrin tersebut. Antaranya seperti kisah turunnya Adam dan Eve ke dunia akibat melanggar larangan Tuhan, kisah pensaliban Jesus Christ, peristiwa santapan terakhir Jesus Christ bersama pengikut-pengikut setianya, pertukaran hidangan kepada makna darah dan daging Jesus Christ, kekuasaannya menghidupkan yang telah mati, menyembuhkan pelbagai penyakit merbahaya dan sebagainya diletakkan sebagai bibit-bibit ke arah kewujudan doktrin tersebut.

Kebijaksanaan St. Paul mengadun kepelbagaiannya ajaran agama Pagan dan agama Yahudi meletakkan doktrin tersebut seolah-olah ajaran asal Jesus Christ. St. Augustine turut bijak menggarapnya sebagai tunjang utama agama Kristian sehingga memperlihatkannya adalah ajaran Jesus Christ.

Keadaan ini berbeza daripada Bible Barnaba yang ditulis untuk tujuan menghalang ajaran-ajaran St. Paul dan lebih menjurus kepada ajaran Jesus Christ. Walau bagaimanapun, ia tidak mencatatkan ajaran Jesus Christ kerana tujuan penulisannya lebih menolak ajaran St. Paul. Oleh itu ia tidak memuatkan segala ajaran Jesus Christ dengan lengkap. Secara keseluruhannya ajaran di dalam Bible Barnaba lebih menunjukkan keaslian agama Kristian sebagai agama samawi. Walaupun beberapa perkara yang dinyatakan di dalam Bible Barnaba ada mempunyai persamaan dengan apa yang terdapat di dalam

keempat-empat *gospel* seperti perkara-perkara luarbiasa yang dilakukannya oleh Jesus Christ yang antaranya menyembuhkan penyakit sopak dan orang buta. Namun ada beberapa perkara pokok terutamanya dari segi akidah yang jelas bertentangan dengan *The New Testament*. Antaranya Bible Barnaba menjelaskan Jesus Christ adalah seorang manusia biasa yang istimewa yang dilantik oleh Allah s.w.t sebagai rasul yang diberi oleh Allah s.w.t. dengan pelbagai mukjizat. Justeru, ianya menolak keyakinan akidah triniti sebaliknya menerima konsep keesaan Allah s.w.t. Bible Barnaba juga menjelaskan Jesus Christ tidak disalib sebagaimana yang diyakini oleh umat Kristian, sebaliknya Yudas Iscariot yang merupakan salah seorang *apostle* beliau yang mati disalib. Beliau juga menjelaskan ajaran yang dibawa oleh Jesus Christ adalah merupakan kesinambungan daripada ajaran nabi Musa °a.s di dalam kitab Taurat dan tiada pembaharuan di dalam ajarannya. Apa yang lebih penting Bible Barnaba telah menjelaskan bahawa manusia perlu meminta terus kepada Tuhan agar mengampunkan segala dosa dan kesalahan yang dilakukannya dan bukannya melalui perantaraan manusia lain yang juga diciptakan dan tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan dan dosa.

Al-Qur'an sebagai kitab suci bagi umat Islam juga menceritakan perkara yang hampir sama dengan apa yang diceritakan oleh Bible Barnaba mengenai Jesus Christ. Tiada perbezaan yang nyata, hanya ianya lebih menonjolkan kata-kata Jesus Christ yang telah dikodkan oleh Allah s.w.t sebagai memberi amaran dan pengajaran kepada umat Kristian terhadap apa yang telah dilakukan oleh para pendita mereka tentang ajaran sebenar Jesus

Christ. Apa yang jelas terdapatnya penegasan yang nyata daripada Jesus Christ bahawa beliau tidak mengajarkan apa yang telah diubah oleh para pendita agama Kristian tentang ajaran-ajarannya yang suci dan tidak menyeleweng daripada kehendak Allah s.w.t.

Di dalam al-Qur'an, Jesus Christ tidak mengaku bahawa beliau adalah anak Tuhan selain daripada mengakui bahawa hanya Allah s.w.t itu adalah Tuhan yang Maha Esa³⁷. Al-Qur'an juga menceritakan bahawa Jesus Christ tidak mati disalib kerana Tuhan telah menyerupakannya seorang lain untuk menggantikan tempatnya. Allah s.w.t telah mengangkatnya ke langit³⁸. Namun demikian al-Qur'an tidak menyatakan siapakah orang yang telah diserupakannya oleh-Nya untuk menggantikan tempat Jesus Christ. Al-Qur'an juga menjelaskan bahawa ajaran yang disampaikan oleh Jesus Christ adalah ajaran-ajaran yang disampaikan oleh nabi Musa °a.s kepada Bani Israel dan kedatangan Jesus Christ antara lain ialah membenarkan apa yang terkandung di dalam kitab Taurat³⁹.

Justeru, di sini memperlihatkan bahawa penyucian terhadap ajaran Jesus Christ yang dilakukan oleh Barnaba adalah selari dengan apa yang dijelaskan oleh Jesus Christ di dalam al-Qur'an tentang ajarannya yang sebenar. Ini seterusnya membuktikan bahawa Barnaba melakukan perkara

³⁷ Lihat al-Qur'an (*Aāli-^cImrān* 5:116-117)

³⁸ Lihat al-Qur'an (*al-Nisaā'* 4:157)

³⁹ Lihat al-Qur'an (*Aāli-^cImrān* 5:50)

yang betul dan kerana kebenaran yang cuba dibawanya dengan menulis biblenya telah menyebabkan ianya diharamkan daripada dibaca dan dianggap *heresy*. Ianya juga menjelaskan bahawa sebab-sebab sebenar Barnaba memisahkan diri daripada St. Paul adalah disebabkan penyelewengan-penyelewangan yang telah dilakukan oleh St. Paul terhadap ajaran suci Jesus Christ dan bukannya disebabkan oleh perselisihan pendapat tentang siapa yang patut dibawa untuk menyebarkan agama Kristian sebagaimana yang dinyatakan di dalam *The New Testament*.

Walau bagaimanapun, Bible Barnaba tidak boleh diletakkan sebagai kitab suci kerana ia bukannya wahyu Tuhan. Ia hanya berupa sebuah kitab yang menegaskan kebenaran dan kedudukan Jesus Christ sebagai nabi dan utusan Tuhan.

D. DOSA WARISAN: ANALISIS BERDASARKAN MAZHAB-MAZHAB UTAMA KRISTIAN

1. Analisis Berdasarkan Mazhab Orthodoks

Perbahasan tentang dosa dan dosa warisan menurut perspektif agama Kristian mazhab Orthodoks telah dibincangkan di dalam bab 3 yang lalu. Antaranya mazhab ini sebagaimana mazhab utama yang lain di dalam agama Kristian seperti Roman Katholik dan Protestant melihat manusia tidak dapat lari daripada menanggung dosa warisan. Akibat daripadanya manusia menderita daripada kematian dan kesakitan ketika melahirkan anak.

Walaupun demikian, di sini memperlihatkan kedapatan juga di kalangan tokoh teologi dari mazhab Orthodoks yang tidak sekata dan sependapat dengan ketetapan pihak gereja mengenai dosa warisan. Sebagai contoh Jeremy Taylor yang merupakan salah seorang tokoh teologi mazhab Orthodoks yang terkenal. Beliau yang hidup di sekitar kurun ke-17M, begitu lantang menyuarakan pandangannya tentang doktrin dosa warisan. Beliau berpendapat dosa yang dilakukan oleh Adam tidak membuatkan keturunannya mewarisi laknat yang dikenakan Tuhan kepada Adam dan tidak juga menjadikan manusia secara semulajadi dan semestinya jahat⁴⁰. Beliau menolak ajaran yang menyatakan bayi yang tidak dibaptis akan dilaknat, menafikan hilangnya rahmat Tuhan adalah merupakan hukuman yang disebabkan jatuhnya Adam ke dunia dan menolak ajaran yang menyatakan kesalahan dan turunnya Adam ke dunia akan membuatkan manusia mewarisi kerosakan akhlak⁴¹ daripadanya.

Ini memperlihatkan doktrin dosa warisan yang diyakini oleh Jeremy Taylor adalah berlainan sekali dengan teras ajaran mazhab Orthodoks yang meletakkan semua manusia mewarisi dosa warisan yang telah mengakibatkan manusia menderita daripadanya, menjadi tidak kekal, mendapat laknat daripada Tuhan dan hilangnya rahmat Tuhan. Taylor tidak sekali-kali menyatakan sedemikian, malahan beliau menyatakan bahawa dosa warisan itu merupakan kesan daripada dosa seorang manusia yang menyebabkan semua

⁴⁰ James Hasting (1920), *Encyclopaedia of Religion and Ethics*, hal. 562.

⁴¹ *Ibid.*

manusia melakukan dosa. Ianya lebih merupakan suatu bentuk kekotoran yang menyebabkan hilangnya anugerah Tuhan dan meningkatkan tahap nafsu semulajadi⁴² dan bukannya satu dosa yang kemudiannya dosa tersebut diwariskan kepada semua keturunannya sebagaimana yang diyakini oleh mazhab Orthodoks dan mazhab-mazhab lain di dalam agama Kristian khususnya Roman Katholik.

Justeru, beliau tidak menyatakan dengan jelas mengenai keupayaan *sacrament* baptis untuk menghapuskan dosa warisan, walaupun beliau tidak menolak kewujudan doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian. Taylor juga seolah-olah memperkecilkan ajaran gereja dan keupayaan baptis yang tujuan utamanya adalah menghapuskan dosa warisan. Ini kerana beliau melihat kesan baptis hanya berlaku berdasarkan niat seseorang itu. Jika diniatkan untuk mengharapkan keampunan dosa, maka keampunan dosa yang akan berlaku dan begitulah seterusnya. Justeru, kekuasaan baptis itu adalah sesuatu yang longgar dan tidak tetap mengikut niat seseorang itu dan ianya berlawanan dengan ajaran pihak gereja yang melihat upacara baptis itu adalah semata-mata tujuan utamanya untuk menghapuskan dosa warisan⁴³.

Walaupun wujudnya pertentangan di antara Taylor dan mazhab Orthodoks, ianya tidak menjaskan kedudukan keyakinan doktrin dosa

⁴² *Ibid.*

⁴³ Perbahasan lanjut pandangan Jeremy Taylor mengenai upacara baptis telah dijelaskan *supra* bab 3 hal. 240-241

warisan dalam mazhab Orthodoks. Namun, secara tidak langsung, pertentangan seperti itu memperlihatkan bahawa keyakinan dan kedudukan doktrin dosa warisan tidak utuh dan sekaligus menjelaskan ia adalah doktrin ciptaan manusia, bukannya ajaran asal Jesus Christ.

2. Analisis Berdasarkan Mazhab Protestant

Protestant merupakan mazhab yang kritikal, fundamental dan liberal di dalam agama Kristian. Ini kerana ajaran mazhab ini hanya semata-mata berasaskan kepada Bible dan memberi kebebasan kepada pengikutnya untuk mentafsir Bible tidak seperti mazhab lain terutamanya Roman Katholik yang hanya memberikan kuasa eksklusif kepada para ketua agama untuk mentafsir kandungan Bible dan ajaran Jesus Christ. Justeru, ajarannya merupakan perkara-perkara yang terdapat di dalam Bible dan menolaknya jika perkara tersebut tidak terkandung ataupun tidak mempunyai bukti yang jelas di dalam Bible. Sikap terbuka para pemimpin gereja telah menyebabkan mazhab ini mempunyai pecahan mazhab yang terbesar sekali di kalangan mazhab utama agama Kristian yang lain seperti Orthodoks dan Roman Katholik. Di Malaysia sahaja mazhab ini mempunyai lebih daripada empat belas buah pecahan mazhab yang mempunyai gerejanya sendiri⁴⁴.

Namun demikian, masih terdapat juga pertentangan di antara pecahan-pecahan mazhab Protestant mahupun para sarjana mereka mengenai

⁴⁴ Untuk keterangan lanjut lihat Mohammed Yusoff Hussain, et.al. (1993), *Isu-Isu dalam Usuluddin dan Falsafah, "Gerakan Kristian di Kalangan Umat Islam"*, hal. 288-289.

kepercayaan-kepercayaan di dalam agama Kristian terutamanya perkara berkaitan doktrin dosa warisan.

Salah satu pecahan mazhab yang agak menonjol di dalam mazhab Protestant ialah Anabaptist. Mazhab ini tidak begitu memberatkan doktrin dosa warisan di dalam ajarannya. Ia menekankan bahawa usaha-usaha penyelamatan yang dilakukan oleh Jesus Christ itu adalah sesuatu yang lebih berbentuk individu dan tidak memberatkan di dalam ajarannya tentang dosa warisan⁴⁵. Ini bermakna ianya bergantung kepada inisiatif individu penganut itu sendiri untuk menyelamatkan diri daripada kejahatan dan dosa-dosa dan bukannya tanggungjawab pihak gereja untuk memastikan pengikutnya menyelamatkan diri mereka daripada hukuman Tuhan dengan menetapkan upacara-upacara yang wajib dilakukan setiap pengikut oleh pihak gereja sebagaimana yang dilakukan oleh mazhab lain terutamanya mazhab Roman Katholik. Ini kerana usaha-usaha penyelamatan yang telah dilakukan oleh Jesus Christ itu hanyalah sebagai pembuka jalan untuk memudahkan pengikutnya mendapat kebahagiaan dan rahmat daripada Tuhan dan terpulanglah kepada pengikutnya untuk menentukan arah kehidupan mereka. Justeru, ianya memperlihatkan tiadanya unsur-unsur paksaan ke atas ahli gereja Anabaptist di dalam menjalankan upacara-upacara keagamaan.

⁴⁵ Paul Kevin Meagher, Daniel O'Brien, Sister Consuelo Marie Ahenn'e, (1979), *Encyclopedic Dictionary of Religion*, hal. 2620.

Hal ini amat jelas apabila Anabaptist melihat setiap bayi yang baru lahir perlu diberi peluang dan pilihan sehingga dewasa untuk memilih jalannya sendiri. Bayi yang baru lahir juga adalah golongan yang suci daripada dosa. Justeru, upacara baptis adalah merupakan upacara pilihan yang dilakukan ke atas bayi. Terpulang kepada individu tersebut apabila dewasa kelak sama ada untuk melakukan baptis ataupun tidak. Pandangan dan ajaran Anabaptist ini juga seiringan dengan pandangan dan ajaran mazhab Mennonite yang juga tidak memberatkan doktrin dosa warisan di dalam ajarannya dan melihat *salvation* ataupun usaha-usaha penyeleman itu lebih berbentuk individu⁴⁶.

Ini jelas memperlihatkan pertentangan dasar di antara mazhab Protestant dan pecahan mazhab tersebut yang seolah-olah menolak kewujudan dosa warisan walaupun pada dasarnya mereka mengimani dosa warisan. Pengakuan tentang kesucian bayi yang baru lahir daripada dosa warisan seolah-olah menolak kepercayaan mazhab Protestant dan mazhab-mazhab lain di dalam agama Kristian terutamanya Roman Katholik tentang pewarisan dosa di antara satu generasi ke satu generasi. Tambahan pula pandangan umum mazhab Protestant melihat bahawa dosa warisan diwariskan dari satu generasi ke satu generasi adalah melalui hubungan seksual.

Selain daripada itu salah seorang tokoh teologi mazhab Protestant iaitu Julius Muller yang juga merupakan seorang ahli falsafah memberikan pandangan yang berbeza tentang doktrin dosa warisan berbanding dengan

⁴⁶ *Ibid.*

pandangan St. Augustine sebagai pengasas doktrin ini. Beliau melihat dosa itu lahir daripada kehendak atau *will* di dalam diri manusia dan bukannya kehendak itu yang lahir daripada dosa. Justeru, dosa bagi beliau bukanlah berpunca dari dalam diri manusia tetapi lebih kepada dosa itu masuk ataupun *step forth* ke dalam diri manusia⁴⁷.

Penjelasan-penjelasan tersebut nyata memperlihatkan bahawa doktrin dosa warisan adalah adaptasi daripada ajaran agama kuno dan bukannya ajaran asal Jesus Christ yang pasti tidak wujud pertentangan.

3. Analisis Berdasarkan Mazhab Roman Katholik

Sebagai suatu rumusan ulangan daripada apa yang telah diperbahaskan tentang pandangan Roman Katholik mengenai doktrin dosa warisan telah memperlihatkan bahawa semua manusia adalah tidak suci kerana menanggung dosa warisan dan mereka tidak dapat lari daripada dosa tersebut. Hanya melalui kepercayaan terhadap Jesus Christ dan penyatuan dengannya sahaja, maka seseorang penganut itu akan menjadi suci dan bebas daripada dosa warisan.

Walaupun St. Augustine dianggap orang yang mengasaskan akidah dosa warisan, namun banyak pendapat dan ajarannya di dalam pembangunan doktrin tersebut tidak dipersetujui oleh tokoh-tokoh yang sealiran dengannya.

⁴⁷ James Hasting (1920), *Encyclopaedia of Religion and Ethics*, hal. 560.

Antaranya ialah Pelagius (telah dibahaskan dalam bab 3 hal. 219-224) dan St. Thomas Aquinas ataupun dikenali juga dengan St. Aquinas yang tidak bersetuju dengan pandangan St. Augustine yang menyatakan bahawa kebaikan yang ada pada diri manusia telah hilang semasa peristiwa Adam dan Eve turun ke dunia, kebebasan memilih manusia ataupun *free will* telah menjadi rosak dan nafsu itu sebenarnya merupakan keadaan semulajadi dosa⁴⁸. St. Aquinas berpendapat dosa warisan itu bukanlah semata-mata dosa Adam, malahan ianya adalah dosa yang terdapat di dalam setiap individu itu. Walaupun dosa tersebut asalnya adalah dosa Adam tetapi ianya juga adalah dosa individu kerana dosa itu menetap di dalam dirinya. Justeru, St. Aquinas menolak pandangan St. Augustine yang melihat bahawa kewujudan dosa warisan adalah hasil daripada perbuatan Adam semata-mata.

Di sini memperlihatkan bahawa wujudnya pertentangan yang ketara tentang dasar dosa warisan. Walaupun secara asasnya St. Aquinas mengakui dosa warisan adalah dosa pertama Adam dan Eve tetapi beliau tidak meletakkan Adam dan Eve sebagai orang yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap dosa warisan memandangkan keadaan manusia pada pandangan St. Aquinas masih tidak hilang kebaikan di dalam dirinya walaupun telah melakukan kesalahan, manusia masih waras di dalam membuat pilihan kerana kebebasan memilih manusia ataupun *free will* tidak rosak dan nafsu itu bukanlah keadaan semulajadi dosa. Tambahan pula beliau mempunyai

⁴⁸ *Ibid.*, 561.

pandangan yang berbeza dengan St. Augustine tentang pendorong kepada manusia untuk melakukan dosa dan kejahatan. St. Augustine meletakkan kehendak ataupun *will* semata-mata yang membuatkan manusia melakukan dosa dan kejahatan⁴⁹, manakala St. Aquinas meletakkan syaitan juga mempunyai peranan di dalam mendorong kehendak manusia melakukan dosa dan kejahatan⁵⁰.

Ini kerana beliau melihat jiwa ataupun roh manusia itu terbahagi kepada dua bentuk iaitu akal (*intellective*) dan kepekaan (*sensitive*). Di dalam *intellective* terkandung pula dua perkara iaitu akal dan kehendak ataupun *intellect and will*⁵¹. Keupayaan manusia berfikir dengan pemikiran yang waras akan dapat membantu membezakan perkara baik dan buruk. Namun atas kelalaian dan nafsu yang besar dan ditambah pula oleh dorongan syaitan telah membuatkan manusia melakukan dosa dan kejahatan. Berdasarkan pandangan St. Aquinas tersebut menjelaskan bahawa manusia masih boleh menyelamatkan dirinya daripada kejahatan walaupun dirinya telah dijangkiti oleh dosa warisan. Dan ini berlainan sekali dengan pandangan St. Augustine yang jelas meletakkan manusia itu telah hilang kebaikan di dalam dirinya untuk membezakan perkara baik dan buruk akibat daripada dosa warisan yang membuatkan dirinya sentiasa mejerumus melakukan dosa dan kejahatan.

⁴⁹ Anton C. Pegis (1945), *Basic Writings of Saint Thomas Aquinas*. New York: Random House, jilid ke-2, hal. 658.

⁵⁰ *Ibid*, hal. 660.

⁵¹ *Ibid*.

St. Aquinas melihat dosa warisan akan sentiasa wujud di dalam diri manusia selagi wujudnya kelangsungan pada generasi manusia⁵² yang berpunca daripada Adam dan Eve sebagai generasi manusia yang pertama. Justeru, Adam bukanlah semata-mata sebagai faktor utama penyebar dosa warisan di kalangan manusia. Walaupun demikian St. Aquinas tidak menafikan bahawa setiap bayi yang lahir itu adalah tidak suci kerana menanggung dosa warisan⁵³.

Walaupun kedua-duanya mengaku Adam dan Eve sebagai orang pertama melakukan dosa, namun pertentangan yang wujud di antara dua tokoh teologi Kristian yang berwibawa telah mengakibatkan keabsahan doktrin dosa warisan sebagai ajaran sebenar Jesus Christ tidak begitu kukuh kerana dari segi dasarnya telah berlaku pertentangan pendapat yang ketara tentang kedudukan sebenar doktrin tersebut. Secara tidak langsung di sini jelas menunjukkan bahawa berdasarkan pandangan St. Aquinas ianya telah membuktikan bahawa kecenderungan manusia melakukan dosa dan kejahatan adalah disebabkan oleh dorongan syaitan dan nafsu bukannya dosa warisan. Ini seolah-olah memperlihatkan bahawa kewujudan doktrin dosa warisan atas dasar ianya sebagai kerosakan dalaman diri manusia yang membuatkan manusia sentiasa melakukan dosa dan kejahatan boleh ditolak. Secara tidak langsung ianya juga membuktikan kewujudan doktrin dosa warisan sebagai

⁵² Paul Kevin Meagher, Daniel O'Brien, Sister Consuelo Marie Ahenn'e (1979), *Encyclopedic Dictionary of Religion*, hal. 2621.

⁵³ Loc.cit., *Basic Writings of Saint Thomas Aquinas*, hal. 665-666.

ajaran sebenar Jesus Christ sebagaimana yang diyakini oleh para penganut agama Kristian khususnya mazhab Roman Katholik tidak boleh diterima.

Selain daripada itu Persidangan Trent (1545M-1563M) juga tidak menetapkan apakah konsep sebenar asas doktrin dosa warisan itu selain daripada ianya dosa pertama yang dilakukan oleh Adam dan Eve. Perkara ini adalah jelas sebagaimana yang telah diterangkan oleh Paul Kevin Meagher selaku ketua editor di dalam *Encyclopedic Dictionary of Religion* bahawa deklarasi persidangan Trent tidak menjelaskan pendirian bersama para teologi Roman Katholik tentang kedudukan sebenar doktrin dosa warisan di dalam diri manusia. Adakah kehilangan asas kebenaran di dalam diri manusia ataupun nafsu yang diwujudkan di dalam diri manusia oleh dosa warisan⁵⁴ yang mendorong manusia melakukan dosa. Ini kerana terdapat pertentangan kenyataan tentang konsep sebenar doktrin dosa warisan seperti yang telah digariskan di dalam Persidangan Trent (1545M-1563M). Antaranya kenyataan di dalam kanun lima yang menyebutkan nafsu itu bukannya suatu dosa dalam ertikata sebenarnya tetapi menggalak dan menyebabkan manusia melakukan dosa⁵⁵. Manakala di dalam kanun dua pula menyatakan bahawa dosa warisan itu menyebabkan hilangnya kesucian dan kebaikan diri diakibatkan oleh dosa Adam⁵⁶. Ketiadaan kesucian dan kebaikan diri telah menyuburkan dan mengarahkan manusia untuk melakukan dosa. Justeru di sini timbul persoalan

⁵⁴ Loc.cit., *Encyclopedic Dictionary Religion*, hal. 2621.

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Ibid.*

sama ada nafsu ataupun akibat hilangnya kebaikan di dalam diri yang mendorong manusia untuk melakukan dosa. Tiadanya ketetapan yang jelas tentang dua perkara tersebut iaitu nafsu dan hilangnya kebaikan diri telah menyebabkan timbulnya satu persoalan lain pula iaitu yang mana satukah yang diwujudkan oleh dosa warisan di dalam manusia sama ada nafsu ataupun hilangnya kebaikan diri.

Berdasarkan analisa-analisa yang dilakukan ke atas ketiga-tiga mazhab di atas, memperlihatkan bahawa doktrin dosa warisan adalah suatu doktrin yang penuh dengan tanda tanya dan terlalu subjektif bentuknya kerana telah membuka terlalu banyak persepsi dan persoalan di kalangan para sarjana dan teologi Kristian tentang asas sebenar doktrin dosa warisan yang hendak ditampilkan kepada pengikut agama Kristian secara keseluruhannya. Persoalan dan pertentangan yang timbul bukan sahaja dari segi falsafah bahkan dari segi akidah yang mengaitkannya sebagai tunjang agama Kristian. Ketidakjelasan asas ajaran tersebut telah membuatkan kalangan sarjana, ahli teologi dan pecahan-pecahan mazhab di dalam agama Kristian tidak begitu mengambil berat tentangnya dan ada juga di kalangan mereka yang menolaknya sebagai ajaran asas Jesus Christ dan gereja sebagaimana yang dilakukan oleh Pelagius⁵⁷. Ini sekaligus menjelaskan bahawa doktrin dosa warisan adalah ajaran adaptasi daripada agama Pagan dan agama Yahudi. Ia

⁵⁷ Pandangan dan pendapat Pelagius mengenai dosa warisan telah dibahaskan lebih lanjut *supra* bab 3 hal. 219-224.

bukanlah ajaran asal Jesus Christ yang pastinya wahyu Tuhan yang tidak terdapat perbezaan dan pertentangan sama sekali.

E. DOSA WARISAN: ANALISIS BERDASARKAN AGAMA ISLAM

Kajian ini turut memberikan suatu justifikasi sebagai rumusan perbandingan tentang perbahasan analisa doktrin dosa warisan berdasarkan perspektif Islam. Ini kerana Islam adalah ajaran yang menyeluruh dan ajaran samawi yang bertepatan dengan *nature manusia*.

Apa yang dimaksudkan ulasan menurut Islam bukanlah perbahasan emosi hanya kerana sifat penulis sebagai seorang muslim. Tetapi ia merupakan ulasan pandangan yang berdasarkan keterangan dan kenyataan yang jelas yang terdapat di dalam al-Quran dan di dalam Hadis. Asas yang sama turut dilakukan sewaktu analisis menurut *The Holy Bible*, Bible Barnaba dan mazhab-mazhab utama agama Kristian untuk melihat kedudukan doktrin dosa warisan agama Kristian dan khususnya Roman Katholik.

Sejarah telah membuktikan selepas daripada "ketiadaan" Jesus Christ agama Kristian telah diubah kedudukannya menjadi agama universal dan disebarluaskan kepada bangsa yang bukan Yahudi. Usaha pertama penyebaran tersebut dilakukan oleh St. Paul yang terkenal sebagai pengasas kedua agama Kristian.

Kesan daripada universalisasi tersebut pelbagai bentuk ajaran dan fahaman baru dimasukkan dan diserapkan ke dalam agama Kristian dan menjadi tunjang akidah di dalam agama tersebut. Salah satu daripadanya ialah doktrin dosa warisan yang pengasasannya hanya bermula di sekitar kurun ke-5M iaitu kira-kira empat ratus tahun selepas "ketiadaan" Jesus Christ.

Sebagai suatu perbandingan dan untuk melihat pandangan Islam tentang doktrin dosa warisan, terdapat beberapa pokok perbahasan yang kajian ini cuba bentangkan dan di antaranya tentang keadaan fitrah manusia yang bersih daripada dosa, faktor-faktor pendorong manusia melakukan dosa dan penolakan Islam tentang pemindahan tanggungan dosa dan kesalahan. Kajian ini turut melihat alasan penolakan konsep pewarisan dosa khususnya penolakan doktrin dosa warisan, penolakan penebusan dosa dilakukan untuk orang lain dan kemampuan manusia untuk memberikan keampunan ke atas dosa orang lain yang bukan haknya untuk berbuat demikian daripada perspektif ajaran Islam.

Perbezaan pandangan adalah begitu ketara di antara Islam dan Kristian tentang Adam, Jesus Christ dan dosa. Islam menolak bentuk penciptaan manusia berdasarkan imej Tuhan. Tetapi ia adalah berdasarkan bentuk yang ditentukan oleh Allah s.w.t. *al-Hijr 15:28-29 menyatakan*⁵⁸:

⁵⁸ Sebagai suatu perbandingan lihat *The Old Testament (Genesis 1:26 & 2:7)*

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلَقْتُ بَشَرًا مِّنْ صَلْصَلٍ فَمَنْ حَمَلِ مَسْنُونٍ
۱۱
 فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعَ عَلَاهُ سَجْدَةٌ

Ertinya: "Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku akan menciptakan seorang manusia dari tanah liat kering (yang berasal) dari lumpur hitam yang diberi bentuk. Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniupkan ke dalamnya roh (ciptaan)-Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud."

Islam juga menyatakan bahawa Iblis dan di dalam agama Kristian ianya digambarkan sebagai ular besar atau *serpent* telah berjaya menghasut Adam dan Eve agar memakan buah tersebut (*khuldi*⁵⁹) dan dengan kesalahan tersebut manusia dan iblis (serta sekutunya) adalah bermusuhan. Melalui kesalahan tersebut juga iblis, Adam dan Eve telah dihukum oleh Allah s.w.t dengan menurunkannya ke dunia (bumi)⁶⁰.

Namun demikian terdapat beberapa perbezaan daripada apa yang terdapat di dalam kitab *The Old Testament* dan al-Qur'an. Jika dilihat dengan tuntas, *The Old Testament* tidak menceritakan dengan lebih terperinci siapakah *serpent* (syaitan) tersebut dan bagaimanakah keperibadiannya yang sebenar ketika sebelum dan selepas Adam selesai dicipta oleh Allah s.w.t. Berbeza dengan Islam yang jelas menceritakan tentang sifat sebenar Iblis sebagai

⁵⁹ Lihat al-Qur'an (*Tâhâ 20:120*) namun ianya adalah nama yang diberikan oleh iblis bukan daripada Allah s.w.t kerana Allah s.w. tidak menyebutkan secara khusus nama pohon tersebut. Lihat al-Qur'an (*al-Baqarah 2:35*).

⁶⁰ Lihat al-Qur'an (*al-Baqarah 2:36 & 38*)

makhluk Allah yang taat dan hampir dengan-Nya tetapi berubah menjadi paling degil dan dengan angkuhnya telah menentang perintah Allah s.w.t supaya sujud kepada Adam. Walaupun sebelumnya Iblis adalah makhluk Allah s.w.t yang paling taat dan alim sehingga dilantik menjadi ketua segala para malaikat⁶¹, namun penentangan yang dilakukannya terhadap Allah s.w.t membuatkannya disingkir daripada syurga.

Di dalam Islam, dosa yang dilakukan oleh Adam dan Eve tidak mempunyai komplikasi ke atas keturunannya dan dosa tersebut telah diampunkan oleh Allah s.w.t. Firman-Nya di dalam *al-Baqarah* 2:37:

﴿فَلَقِيَ آدَمُ مِنْ زَيْدٍ كَلِمَتٍ فَنَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ الْوَابُ الرَّحِيمُ﴾

Ertinya: "Kemudian Adam menerima beberapa kalimat dari Tuhan, maka Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang."

Taha 20:121-122 pula menegaskan:

﴿وَعَصَى آدَمُ رَبَّهُ وَغَوَىٰ (۱۲۱) ثُمَّ أَجْبَرَهُ رَبُّهُ، فَنَابَ عَلَيْهِ وَهَدَىٰ (۱۲۲)﴾

Ertinya: "... dan durhakalah Adam kepada Tuhan dan sesatlah ia. Kemudian Tuhan memilihnya maka Dia menerima taubatnya dan memberinya petunjuk."

⁶¹ Lihat al-Qur'an (*al-Baqarah* 2:34), dan lihat juga al-Tabarī di dalam bukunya '*Tārikh al-Umam wa al-Muluk*' yang menceritakan tentang siapakah iblis tersebut dan bagaimanakah keperibadiannya sebelum dan selepas beliau menderhaka kepada Allah s.w.t. Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Tabarī (t.t.), *Tārikh al-Umam wa al-Muluk*. Miṣr: al-Maktabah al-Husainiyyah al-Miṣriyyah, cet. ke-1, jilid 1-2, hal 42-44.

Menurut ajaran Islam, nabi Isa ^{a.s} pula tidak lain adalah utusan Allah s.w.t, penyelamat manusia daripada kesesatan. Nabi Isa ^{a.s} bukannya seorang anak Tuhan yang diutuskan dengan menyerupai manusia bertujuan untuk menyelamatkan manusia daripada dosa warisan. Firman Allah s.w.t di dalam *al-Nisaā'* 4:171:

إِنَّمَا الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ رَسُولُ اللَّهِ وَكَلِمَتُهُ
أَقْتَلَهَا إِلَى مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِّنْهُ

Ertinya: "... Sesungguhnya Al-Masih, Isa putera Maryam itu, adalah utusan Allah dan (yang diciptakan dengan kalimat-Nya) yang disampaikan-Nya kepada Maryam, dan (dengan tiupan) roh dari-Nya."

Firman-Nya di dalam *al-Mā'idah* 5:46:

وَقَفَّيْنَا عَلَيْهِ أَثْرَهِمْ بِعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ
الْتَّوْرَةِ وَإِنَّمَا أَنْهَا إِلَّا بِنُجُلٍ فِيهِ هُدًى وَنُورٌ وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ
يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ⑥

Ertinya: "Dan Kami iringkan jejak mereka (nabi-nabi Bani Israel) dengan Isa putera Maryam membenarkan kitab yang sebelumnya, iaitu: Taurat. Dan Kami telah memberikan kepadanya kitab Injil sedan di dalamnya (ada) petunjuk dan cahaya (yang menerangi), dan membenarkan kitab yang sebelumnya, iaitu kitab Taurat. Dan menjadi petunjuk serta pengajaran untuk orang-orang yang bertakwa."

Walaupun Islam mengakui bahawa nabi Adam ^ca.s telah melanggar perintah Allah s.w.t semasa beliau berada di dalam syurga bersama Hawa, tetapi ianya bukanlah suatu alasan untuk menghukum beliau sebagai penyebab kepada berdosanya sekalian manusia dan membawa kepada kematian. Justeru, kesalahan yang dilakukan oleh Adam adalah sebagai pemungkin untuk beliau diturunkan ke bumi. Ini kerana nabi Adam dicipta bukanlah untuk tinggal menetap di dalam syurga tetapi adalah unuk memakmurkan bumi dan menjadi khalifah di sana yang telah diciptakan khusus untuk manusia. Firman Allah s.w.t di dalam *al-Baqarah 2:30*:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Ertinya: "Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Seungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi."

Hadis Rasulullah s. ^ca.w menjelaskan dan mengukuhkan kenyataan tentang turunnya Adam ke dunia adalah suatu ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. Rasulullah s. ^ca.w telah menceritakan bagaimana nabi Adam ^ca.s. dan nabi Musa ^ca.s berdebat tentang perkara tersebut. Sabda Rasulullah s. ^ca.w⁶²:

⁶² Al-Imām al-Hafīz al-Musannaf Abī Daud Sulaimān ibn al-Ash̄ath al-Sajastānī al-Azdī (1989), *Sunan Abi Daud* (di bawah kitab *al-Sunnah; bab fi al-Qadr*). Bairūt: Dar al-Jil, juzuk 4, hal. 225. Terdapat dua bentuk matan dan perawi hadis di atas yang mana hadis di atas adalah diriwayatkan daripada Abu Hurairah dan satu hadis yang lain diriwayatkan oleh ^cUmar ibn al-Khaṭīb yang boleh diperolehi juga di dalam halaman yang sama.

حد ثنا مسلد، ثنا سفيان، ثنا أحمد بن صالح المعنى، قال: "ثنا سفيان بن عيينة عن عمرو بن دينار، سمع طاووسا يقول":
 سمعت أبا هريرة يختر عن النبي صلى الله عليه وسلم قال أتحتج
 آدم و موسى، فقال موسى: "يا آدم أنت أبونا خييتا و آخر جتنا
 من الجنة، فقال آدم: أنت موسى أصطفاك الله بكلامه و خط
 لك التوراة بيده، تلومني على أمر قدره علي قبل أن يخلقنى
 بأربعين سنة، فحج آدم موسى".

Ertinya: "Telah berhujah Adam dan Musa. "Wahai Adam! Engkau adalah bapa kami dan telah mengeluarkan kami daripada syurga". Maka berkata Adam, "Engkau Musa. Allah telah memilih engkau dengan firman-Nya dan menuliskan kepada engkau kitab Taurat dengan tangan-Nya. Engkau telah menuduh aku di atas perkara yang telah ditentukan ke atas aku empat puluh tahun sebelum aku diciptakan"

Syurga yang merupakan tempat tinggal Adam hanyalah merupakan suatu transit sahaja sebelum beliau sebenar-benarnya diletakkan di bumi. Manakala kesalahan yang dilakukan oleh Adam tersebut juga sebenarnya hanyalah sebagai pengajaran kepada manusia, bahawa manusia merupakan makhluk Allah yang tidak lari daripada melakukan kesalahan dan sekaligus menjelaskan bahawa Iblis adalah musuh utama manusia.

Islam mengajarkan bahawa dosa dan kematian adalah suatu yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t seperti yang telah dinyatakan di dalam al-Qur'an (*Aālī 'Imrān 3:145*) dan (*al-Anfāl 6:2*). Tidak ada konsep pewarisan dosa di dalam Islam dan dosa warisan bukanlah penyebab kepada kematian ataupun

manusia menjadi tidak kekal. Manusia menanggung kesalahan yang dilakukan oleh dirinya sendiri.

Islam juga mengajarkan bahawa setiap bayi yang baru lahir itu adalah suci daripada noda dan dosa⁶³. Rasulullah s. ´a.w di dalam sebuah hadisnya menyatakan bahawa setiap bayi yang baru lahir itu adalah di atas fitrahnya iaitu suci sebagaimana sabdanya di dalam sebuah hadis yang telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Sabda Rasulullah s. ´a.w⁶⁴:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا مِنْ مُوْلُودٍ يُوْلَدُ إِلَّا عَلَى الْفَطْرَةِ. فَأَبْوَاهُ يَهُودَانِهِ أَوْ يَنْصَارِيَّانِهِ أَوْ يَمْجِسَانِهِ"

Ertinya: "Tiadalah suatu kelahiran itu melainkan atas fitrahnya. Maka kedua ibubapanya lah yang mencorakkan sama ada menjadi seorang yahudi, nasrani ataupun majusi"

Apabila membicarakan tentang dosa pula, Islam mempunyai pandangan yang teliti tentang dosa. Firman Allah s.w.t di dalam al-Qur'an menegaskan bahawa setiap kesalahan yang dilakukan semasa di dunia akan

⁶³ Sebagai suatu perbandingan lihat *The Old Testament (Deutronomy 24:16)*, (*Jeremiah 31:30*) dan (*Ezeikel 18:17-20*) dan *The New Testament (Matthew 19:14)*.

⁶⁴ Lihat di dalam Muhammad ibn Isma'īl al-Bukhārī (t.t), *Saḥīḥ al-Bukhārī* (kitāb al-Jānā'iż, bab idhā Aslāma al-Šābiy fa Māta Hal Yuṣallī 'ala'ihi wa Hal yu'rādu 'ala al-Šābiy al-Islām). Duhi: al-Maktabah al-Rasyidiyyah, jilid 1, hal. 181. Lihat juga di dalam Abū al-Ḥusain Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim al-Qusyairi al-Naisabūrī (t.t), *Al-Jāmi' al-Šaḥīḥ li al-Imām Abū al-Husain Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim al-Qusyairi al-Naisabūrī* (kitāb al-Qadr; bāb Ma'na kulli Mawlūd Yūlad 'ala al-Fitrāh wa Hukm Mauti Aftāl al-Kuffār wa Aftāl al-Muslim). Bairūt: al-Maktab al-Tijārī li al-Tabā'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzī, juzuk 8, hal. 54-56, dan juga Al-Imām al-Hafīz al-Muṣannaf al-Mutqin Abī Daud Sulaimān ibn al-Ash'ath al-Sajastānī al-Azdī (1989), *Sunan Abī Daud* (kitāb al-Sunnah; bāb fi al-Qadr). op.cit., hal. 229. Matan hadis yang digunakan di dalam hadis di atas adalah matan daripada Sahih al-Bukhari.

tetap diperlihatkan oleh Allah dan akan diberi balasannya walau sebesar manapun kesalahan tersebut. *al-Zalzalah 99:7-8* menegaskan:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ،
وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ،

(7) (8)

Ertinya: "Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan seberat zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya pula."

Islam juga melihat manusia yang melakukan dosa bukanlah musuh Allah s.w.t. Walaupun demikian manusia yang berdosa besar akan diperhitungkan dan diberi balasan yang setimpal. Apatah lagi seandainya ia tidak pernah melakukan taubat, bererti balasannya adalah lebih berat seperti neraka. Manakala musuh-musuh Allah yang terdiri daripada golongan kafir, mereka akan tinggal kekal di dalam neraka selama-lamanya. Tetapi bagi hamba-Nya yang beriman kepada Allah s.w.t tetapi melakukan dosa akan disiksa di dalam neraka di dalam tempoh masa yang tertentu bergantung kepada hukuman yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. Walaupun mereka itu berdosa, Allah s.w.t tetap menyayangi mereka dan sentiasa akan memberikan keampunan-Nya jika hamba-hamba-Nya itu benar-benar bertaubat dan menyesal daripada perbuatannya semasa mereka hidup di dunia.

Islam melihat kecenderungan manusia untuk melakukan dosa bukanlah disebabkan oleh dosa warisan yang bertapak di dalam diri mereka. Tetapi ia

adalah disebabkan manusia telah diciptakan mempunyai akal dan hawa nafsu. Hanya hamba-hamba Allah s.w.t yang bijak menggunakan akal dan soleh sahaja yang terselamat daripada godaan syaitan yang sentiasa menghasut manusia untuk melakukan dosa. Seandainya sebaliknya, individu ini lebih mengikut hawa nafsu dan tergelincir dari landasan dan syari'at Islam. Firman Allah s.w.t di dalam *al-Israā'* 17:53:

٥٣ ﴿ إِنَّ الشَّيْطَنَ كَانَ لِلنَّاسِ عَدُوًّا مُّبِينًا ۚ ۝

Ertinya: "... Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia."

Menurut ajaran Islam, walau sebesar manapun dosa yang dilakukan oleh manusia kecuali dosa mensyirikkan Allah ianya akan tetap diampunkan oleh Allah s.w.t kerana Allah s.w.t itu bersifat Maha Pengampun dan Maha Pemurah. Firman Allah s.w.t di dalam *al-Nisaā'* 4:116:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرِكَ بِهِ ۖ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ
ذَلِكَ لِمَن يَشَاءُ

Ertinya: "Sesungguhnya Allah tidak mengampuni dosa mempersekuatkan (sesuatu) dengan Dia, dan Dia mengampuni dosa yang selain dari syirik itu bagi siapa yang dikehendaki-Nya..."

Tidak ada keberatan bagi Allah s.w.t untuk mengampunkan dosa hamba-Nya jika hamba tersebut memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Islam untuk bertaubat. Namun bukanlah ianya suatu kemestian bagi Allah

s.w.t untuk mengampunkan dosa tersebut kerana perbuatan mengampun adalah harus bagi Allah s.w.t bukannya wajib. Ini bersesuaian dengan apa yang dikatakan oleh Allah s.w.t di dalam ayat di atas iaitu "dan Dia mengampuni dosa selain dari syirik itu bagi siapa yang dikehendaki-Nya". Justeru, ayat "bagi siapa yang dikehendaki-Nya" adalah jelas menunjukkan sifat Allah s.w.t yang sebenar iaitu tidak wajib bagi Allah s.w.t untuk memberikan keampunan ke atas tiap individu yang memohon keampunan daripadanya (selain dosa syirik), dan ianya terpulang kepada Allah s.w.t untuk memberikan keampunan kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Allah s.w.t sentiasa menggalakkan manusia memohon keampunan-Nya.

Islam tidak sesekali meletakkan kuasa mengampunkan dosa di tangan manusia kerana ianya adalah hak Allah s.w.t. Individu yang menjadi perantara Tuhan dan berkeupayaan mengampunkan dosa individu lain bererti telah merampas hak Allah s.w.t. Apabila ditelusuri secara halus adalah suatu yang mustahil makhluk ciptaan Allah s.w.t berkuasa seperti Penciptanya dan dapat mengampunkan dosa manusia lain. Ini menunjukkan seolah-olah Pencipta itu lemah dan memerlukan yang lain untuk melaksanakan kuasa-Nya. Ini bertentangan dengan logik akal. Ini sekaligus menolak dakwaan penganut agama Kristian yang menyatakan bahawa para paderi mereka berkeupayaan mengampunkan dosa manusia, walau sebesar manapun dosa tersebut. Firman Allah s.w.t di dalam *Aāli ‘Imrān 3:135*:

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَنِحْشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ
فَأَسْتَغْفِرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَغْفِرُ لِذُنُوبَكَ إِلَّا اللَّهُ

Ertinya: "Dan (juga) orang-orang yang apabila mengerjakan perbuatan keji atau menganiaya diri sendiri, mereka ingat akan Allah, lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka dan siapa lagi yang dapat mengampuni dosa selain daripada Allah? ... "

Menurut ajaran Islam setiap individu bertanggungjawab ke atas dosa yang dilakukannya dan dosa tersebut tidak memudarangkan orang lain, bahkan anak tidak akan menanggung dosa orang tuanya. Firman Allah s.w.t di dalam *al-Nisaā' 4:111*:

وَمَن يَكْسِبْ إِثْمًا فَإِنَّمَا يَكْسِبُهُ عَلَى نَفْسِهِ
وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا
(١١)

Ertinya: "Barangsiapa yang mengerjakan dosa, maka sesungguhnya ia mengerjakan untuk (kemudharatan) dirinya sendiri. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

Allah s.w.t turut mencela ke atas orang-orang yang melakukan dosa, tetapi meletakkan ataupun menuduh dosa tersebut ke atas bahu orang lain. Ini seolah-olah menunjukkan individu tersebut enggan bertanggungjawab ke atas dosa yang dilakukannya dan meletakkan tanggungjawab dosa tersebut di bahu orang lain. Keadaan ini sama seperti kepercayaan para pengikut agama Kristian yang bulat-bulat meletakkan kesalahan dan dosa yang dilakukan di bahu orang lain. Ini bersesuaian dengan firman Allah s.w.t yang mencela perbuatan sedemikian iaitu meletakkan kesalahan yang dilakukannya ke atas bahu orang lain (atau menuduh orang lain melakukan kesalahan yang tidak dibuatnya) di dalam *al-Nisaā' 4:112* dengan firman-Nya:

وَمَن يَكْسِبْ خَطِيئَةً أَوْ إِثْمًا ثُمَّ يَرْبِّيهِ بَرِيئًا فَقَدْ أَخْتَمَ
بِهَتَّنَا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿١١٢﴾

Ertinya: "Dan barangsiapa yang mengerjakan kesalahan atau dosa, kemudian dituduhkannya kepada orang yang tidak bersalah, maka sesungguhnya ia telah berbuat suatu kebohongan dan dosa yang nyata."

Walaupun ayat di atas menghalang manusia daripada meletakkan kesalahan yang dilakukannya ke atas bahu orang lain yang tidak bersalah, namun ianya sekaligus turut membuktikan bahawa seseorang itu tidak boleh menanggung kesalahan yang dilakukan oleh orang lain dan tidak mempunyai kaitan dengan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang individu lain. Ini juga bersesuaian dengan ayat sebelumnya yang menyatakan bahawa setiap kesalahan itu hanya menimbulkan mudarat ke atas diri pelakunya sahaja.

Ini bermakna seorang ayah tidak akan menanggung kesalahan anaknya dan begitulah sebaliknya. Apabila ia dikaitkan dengan kajian ini jelaslah membuktikan bahawa Jesus Christ tidak sewajarnya menanggung kesalahan para penganut agama Kristian. Hal yang sama turut dapat diaplikasikan ke atas Adam dan Hawa yang sekaligus menjelaskan bahawa kesalahan mereka berdua tidak diwariskan kepada keturunannya⁶⁵.

⁶⁵ Walaupun ayat 111 dan 112 dari surah *al-Nisā'* di atas diturunkan kerana disebabkan oleh seorang muslim di zaman Rasullah yang telah mencuri harta seorang Yahudi dan menuudu perbuatannya ke atas jirannya, namun secara umum ianya jelas menunjukkan ketidakbolehan meletakkan kesalahan yang telah dilakukan ke atas bahu orang lain dan tidak bolehnya seseorang itu menanggung kesalahan yang dilakukan oleh orang lain. Lihat sebab-sebab penurunan ayat tersebut di dalam Wahabah al-Zuhaili (Dr.), (1991), *Al-Tafsīr al-Munīr fi al-'Aqīdah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj*. Bairūt, Lubnan: Dār al-Ma'āthir, juz.

Allah s.w.t turut menjelaskan lagi dan memberi peringatan kepada orang yang lemah imannya bahawa telah merupakan lumrah bagi orang-orang yang tidak beriman dengan keesaaan Allah s.w.t mengada-adakan cerita tentang perkara-perkara yang boleh mempengaruhi pemikiran orang-orang jahil secara halus. Golongan seperti ini turut mengaku mempunyai keupayaan untuk menanggung dosa orang lain. Justeru, tidak hairanlah golongan seperti ini meletakkan kesalahan yang dilakukan ke atas bahu orang lain kerana mindanya berfikiran sedemikian iaitu dosa itu boleh dipindahmilikkan. Firman Allah s.w.t di dalam *al-Ankabüt 29:12-13* yang menceritakan tentang sikap dan dakyah orang kafir:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ آمَنُوا أَتَيْعُوا سَيِّلَنَا
وَلَنْ حِيلَ خَطَّبِنَّكُمْ وَمَا هُم بِحَمِيلِنَّ مِنْ خَطَّبِيَّهُمْ مِنْ
شَيْءٍ إِنَّهُمْ لَكَذِّابُونَ ۚ ۱۲ وَلَيَحْمِلُنَّ أَنْقَافَهُمْ وَأَنْقَالًا
۱۳ مَعَ أَنْقَافِهِمْ وَلَيُسْعَلُنَّ يَوْمَ الْقِيَمَةِ عَمَّا كَانُوا يَفْرَدُونَ

Ertinya: " Dan berkatalah orang-orang kafir kepada orang-orang yang beriman: "Ikutilah jalan kami, dan nanti kami akan memikul dosa-dosamu", dan mereka (sendiri) sedikitpun tidak (sanggup) memikul dosa-dosa mereka. Sesungguhnya mereka adalah benar-benar orang pendusta. Dan sesungguhnya mereka akan memikul beban (dosa), dan beban-beban (dosa yang lain), di samping beban-beban mereka sendiri, dan sesungguhnya mereka akan ditanya pada hari kiamat tentang apa yang selalu mereka ada-adakan."

5, hal. 257 dan Mahmūd Muhammad Hamzah, Husain Ḥasan, Ahmad Barāniq (t.t), *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*. Qahirah: Dār al-Ma'ārif, jilid 1, hal. 77-78.

Salah satu dakyah orang-orang kafir yang dinyatakan Allah s.w.t di atas ialah bahawa orang-orang kafir mampu menanggung dosa dan kesalahan orang lain. Mereka turut mendakwa berkuasa menanggung hukuman yang akan seseorang itu terima di akhirat kelak jika individu tersebut mempercayai dan meyakini kebenaran ajaran yang bertentangan dengan hukum Allah s.w.t. Kenyataan tersebut apabila dikaitkan dengan kajian ini amat jelas dan relevan dengan ajaran St. Paul yang meletakkan para paderi agama Kristian mempunyai kuasa untuk memberikan keampunan terhadap dosa-dosa manusia.

Ini menunjukkan seolah-olah para paderi mendahului kehendak Tuhan kerana hanya Tuhan sahaja yang boleh mengampuni dosa-dosa hamba-Nya. Para paderi seolah-olah cuba hendak menanggung dosa orang lain yang membuatkan individu tersebut menyangka telah bebas daripada dosa-dosa yang dilakukannya yang sewajarnya individu yang berdosa itu meminta keampunan kepada Tuhan. Akibatnya telah allah s.w.t nyatakan iaitu di akhirat kelak para pendusta tersebut bukan sahaja akan menerima pembalasan daripada dosa yang telah dilakukannya tetapi juga akan menanggung pembalasan daripada orang-orang yang telah dizaliminya⁶⁶.

⁶⁶ Walaupun ayat ini secara khusus merupakan suatu peringatan kepada kaum muslimin tentang dakyah dan tipu helah kaum kafir yang sentiasa ingin menyesatkan orang-orang Islam dan mengajak mengikuti agama mereka dengan secara halus. Lihat sebab-sebab turunnya ayat 12 dan keterangannya di dalam Wahabah al-Zuhailī (Dr.), (1991), *Al-Tafsīr al-Munīr fi al-‘Aqīdah wa al-Syā’ah wa al-Manhaj*, juz. 20, hal. 198-204 & 207; tetapi jika dilihat dalam konteks lain ianya membuktikan tentang adanya golongan tertentu di dalam agama (seperti para paderi Kristian) yang mendakwa mempunyai kuasa istimewa yang dianugerahkan oleh Tuhan iaitu memberikan keampunan ke atas dosa-dosa manusia.

Penegasan Allah s.w.t berkenaan tidak wajar seseorang itu menanggung dosa orang lain adalah amat jelas. Allah s.w.t telah menyatakaninya berulang kali (selain daripada ayat 112 daripada surah *al-Nisa'* dan ayat 13 dari surah *al-Ankabut* di atas) di dalam al-Qur'an. Walaupun perkara yang disentuh berlainan tetapi falsafah di sebaliknya adalah sama iaitu seseorang itu tidak boleh meletakkan sesuatu kesalahan yang telah dilakukannya ke atas bahu orang lain. Atau dalam erti kata lain tidak wujudnya pewarisan dosa di kalangan umat manusia. Antaranya ialah firman Allah s.w.t di dalam *al-An'am* 6:17:

وَإِن يَمْسِكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ
وَإِن يَمْسِكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾

Ertinya: "Jika Allah menimpa kamu suatu kemudaranan kepadamu, maka tidak ada yang menghilangkannya melainkan Dia sendiri. Dan jika Dia mendatangkan kebaikan kepadamu, maka Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

Dan juga firman-Nya di dalam *al-An'am* 6:31:

قَدْ حَسِرَ الَّذِينَ كَذَبُوا بِلِقَاءَ اللَّهِ حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُمُ الْسَّاعَةُ
بَغْتَةً قَالُوا يَحْسِرُنَا عَلَىٰ مَا فَرَّطَنَا فِيهَا وَهُمْ يَحْمِلُونَ أَوْزَارَهُمْ
عَلَىٰ ظُهُورِهِمْ أَلَا سَاءَ مَا يَرَوْنَ ﴿٣١﴾

Oleh itu dengan mudah dan secara halus dapat mempengaruhi orang lain yang merasakan dirinya terlalu banyak dosa dan ingin mengambil jalan mudah untuk mendapatkan keampunan Tuhan mempercayainya dan akan mengikuti agama tersebut.

Ertinya: "Sungguh telah rugilah orang-orang yang mendustakan pertemuan mereka dengan Tuhan; sehingga apabila kiamat datang kepada mereka dengan tiba-tiba, mereka berkata: "Alangkah besarnya penyesalan kami terhadap kelalaian kami tentang kiamat itu!", sambil mereka memikul dosa di atas punggungnya. Ingatlah, amatalah buruk apa yang mereka pikul itu."

Di dalam *al-Anām* 6:164 juga Allah berfirman:

فَلْ أَغْيِرَ اللَّهَ أَنْغَى رَبًّا وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ وَلَا تَكِسِّبْ كُلُّ
نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا نَزِرٌ وَازِرَةٌ وَزَرُّ أُخْرَى

Ertinya: "Katakanlah: "Apakah aku akan mencari Tuhan selain Allah, padahal Dia adalah Tuhan bagi segala sesuatu. Dan tidaklah seorang membuat dosa melainkan kemudharatannya kembali kepada dirinya sendiri; dan seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain."

Firman-Nya lagi di dalam *al-Israā'* 17:15:

مَنِ اهْتَدَى فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ وَمَنْ ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ
عَلَيْهَا وَلَا نَزِرٌ وَازِرَةٌ وَزَرُّ أُخْرَى وَمَا كَانَ مُعَذِّبِينَ حَقَّ
بَعْثَرَسُولًا ﴿١٥﴾

Ertinya: "Barangsiapa yang berbuat sesuai dengan hidayah (Allah), maka sesungguhnya dia berbuat itu untuk (keselamatan) dirinya sendiri; dan barangsiapa yang sesat maka sesungguhnya dia tersesat bagi (kerugian) dirinya sendiri. Dan seorang yang berdosa tidak dapat memikul dosa orang lain, dan Kami tidak akan mengazab sebelum Kami mengutus seorang rasul."

Firman-Nya lagi di dalam *al-Najm* 53:38:

﴿٣٨﴾ أَلَا نَزِرٌ وَازِرَةٌ وَزَرُّ أُخْرَى

Ertinya: "(iaitu) bahawasanya seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain."

Begitu juga di firman-Nya di dalam *Fatir* 35:18:

وَلَا تَزِرُوا زِرَةً وَزِرَةٌ وَلَمْ يَدْعُ مُشْقَلَةً إِلَىٰ
حِمْلِهَا لَا يُحْمَلُ مِنْهُ شَيْءٌ وَلَوْكَانَ ذَا قُرْبَىٰ

Ertinya: "Dan orang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain. Dan jika seseorang yang berat dosanya memanggil (orang lain) untuk memikul dosanya itu tiadalah akan dipikulkan untuknya sedikitpun meskipun (yang dipanggilnya itu) kaum kerabatnya."

Firman-Nya pula di dalam *al-Nahl* 16:25:

لِيَحْمِلُوا أَوْزَارَهُمْ كَامِلَةً يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَمَنْ أَوْزَارَ
الَّذِينَ يُضْلُّونَهُمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ أَلَا سَاءَ مَا يَزِرُونَ ﴿١٦﴾

Ertinya: "(ucapan mereka) menyebabkan mereka memikul dosa-dosanya dengan sepenuhnya pada hari kiamat, dan sebahagian dosa-dosa orang yang mereka sesatkan yang tidak mengetahui sedikitpun (bahawa mereka disesatkan). Ingatlah, amat buruklah dosa yang mereka pikul itu."

Firman-Nya lagi di dalam *al-Zumar* 39:7:

وَلَا تَزِرُوا زِرَةً وَزِرَةٌ

Ertinya: "dan seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain."

Di sini jelaslah berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an di atas membuktikan tidak adanya pewarisan dosa di kalangan manusia dan tidak wujudnya doktrin dosa warisan sebagaimana keyakinan akidah di dalam agama Kristian yang melihat dosa pertama Adam dan Eve diwariskan kepada keturunannya. Oleh yang demikian manusia akan hanya menanggung dosa yang dilakukannya sahaja. Di sini terserlah keadilan Allah s.w.t ke atas hamba-Nya yang hanya memberikan ganjaran baik atau buruk berdasarkan perbuatan baik atau buruk seseorang hamba itu.

Justeru, berdasarkan kepada analisis di atas, sebagai kesimpulannya di dapati banyak terdapat perkara pro dan kontra tentang doktrin dosa warisan yang wujud di dalam agama Kristian. Tanpa melihat kepada analisis lain terutamanya Islam, polimik tersebut wujud di dalam kitab suci agama Kristian iaitu *The Old Testament* dan *The New Testament*.

Kajian ini mendapati pendalilan yang diberikan oleh penganut agama Kristian adalah tidak begitu kukuh kerana sumber buktinya tidak dikeluarkan daripada Jesus Christ. Tetapi sebaliknya berdasarkan kepada kenyataan dan ajaran yang dikeluarkan oleh St. Paul. Sedangkan St. Paul berdasarkan kajian ini yang keterangannya diperolehi daripada *The Old Testament* mendapatinya adalah seorang yang tidak boleh dipercayai kerana sentiasa memanipulasi keadaan untuk menyelamatkan diri dan untuk kepentingan diri sendiri. Lihatlah bukti-buktinya dari *The New Testament* yang jelas menunjukkan hal

sedemikian⁶⁷. Adalah berkemungkinan kepandaianya memanipulasi keadaan digunakan oleh beliau untuk memusnahkan agama Kristian dari dalam kerana tindakan kekerasan yang digunakannya tidak mendatangkan kesan. Melalui pengakuannya sebagai seorang Kristian dan mendakwa telah melihat roh Tuhan (Jesus Christ), beliau meyakinkan penganut agama Kristian bahawa dirinya adalah utusan Jesus Christ dan ia berjaya dengannya. Selain daripada itu kajian ini juga mendapati perbuatan yang dilakukan oleh St. Paul selepas beliau memeluk agama Kristian yang mengajarkan manusia bahawa Jesus Christ itu adalah anak Tuhan amat bertepatan sekali dengan amaran nabi Musa ^{a.s} kepada bangsa Yahudi tentang akan wujudnya orang-orang yang akan mengajar dan mengajak manusia agar menyembah Tuhan selain daripada Allah s.w.t.⁶⁸.

Pendalilan tentang wujudnya dosa warisan juga tidak jelas. Ini kerana tidak ada kenyataan yang telus di dalam *The Old Testament*. Ianya hanya dinyatakan secara umum sahaja dan kenyataannya tidak menunjukkan kepada dosa warisan secara khusus sebagaimana yang telah dibahaskan berdasarkan dalil utama penganut agama Kristian iaitu dari *The Old Testament (Genesis 3:3-19)* dan (*Psalm 51:1-7*); dan juga *The New Testament (Romans 5:12-14)*. Kajian ini mendapati hampir keseluruhan bukti selain daripada *The Old Testament* tentang dosa warisan yang dikatakan ada pada setiap manusia

⁶⁷ Untuk keterangan lanjut boleh dibandingkan kenyataan beliau yang mengaku menjadi ahli di dalam sesuatu golongan itu untuk kepentingan sendiri. Lihat *The New Testament (Acts. 22:3, 22:25 & 23:6)*.

⁶⁸ Lihat *The New Testament (Acts. 9:20)* dan dibandingkan dengan amaran nabi Musa a.s di dalam *The Old Testament (Deutronomy 13:1-18)*

adalah lebih utama dipetik surat-surat kiriman yang ditulis oleh St. Paul. Ini bererti tidak kedapatan satupun kenyataan daripada Jesus Christ bahawa beliau diutuskan adalah untuk menghapuskan dosa warisan sekalian manusia. Beliau lebih menyatakan tentang wajibnya bangsa Yahudi menuruti sepenuhnya apa yang terkandung di dalam kitab Taurat dan itulah tujuan sebenar Jesus Christ diutuskan iaitu untuk memenuhi tuntutan kitab Taurat⁶⁹. Ini bererti bahawa ajaran St. Paul dan khususnya St. Augustine tentang dosa warisan adalah merupakan interpretasi dan manipulasi mereka berdua terhadap Jesus Christ.

Seterusnya kajian ini mendapati terlalu banyak bukti daripada *The Old Testament* dan *The New Testament* yang menunjukkan bahawa dosa warisan sebenarnya tidak wujud. Apatah lagi Jesus Christ mengajarkan manusia berdasarkan apa yang terdapat di dalam kitab Taurat. Anggapan penganut agama Kristian bahawa setiap manusia adalah berdosa dan menanggung dosa warisan boleh dipertikaikan kerana keterangan-keterangan yang bertentangan dengan keadaan tersebut banyak terdapat di dalam bible. Keterangan-keterangan seperti di dalam *The Old Testament* (*Deutronomy 24:16*), (*Jeremiah 31:30*) dan (*Ezeikel 18:17-20*); begitu juga dengan *The New Testament* (*I Corinthians 3:8*) dan (*Matthew 7:1-2 & 19:4*) menolak konsep pewarisan dosa di kalangan manusia dan tidak ada individu lain yang boleh menanggung dosa individu lain. Manusia akan dihukum berdasarkan apa yang telah dilakukan semasa hidup di dunia. Jesus Christ menyatakan bahawa

⁶⁹ Lihat *The New Testament* (*Matthew 5:17*).

kanak-kanak adalah manusia yang bebas daripada dosa kerana sebagaimana katanya di dalam *The New Testament (Matthew 19:14)*, bahawa kerajaan akhirat (*kingdom of heaven*) adalah untuk golongan seperti ini kerana mereka bebas daripada dosa. Hanya orang-orang yang menuruti ajaran Taurat sahaja akan terselamat semasa berada di *kingdom of god* kelak, bukannya orang-orang yang menjalankan upacara-upacara *sacrament* dengan tujuan untuk menghapuskan dosa-dosa (terutamanya dosa warisan) dengan cara yang mudah iaitu melalui para paderi yang didakwa mempunyai kuasa mengampun dan menghapuskan dosa tanpa perlu memberatkan dan menjalankan syari'at-syari'at yang telah ditentukan oleh kitab Taurat dan yang telah diajarkan oleh Jesus Christ.

Jika melihat kepada pegangan agama Kristian, ianya seolah-olah menunjukkan bahawa penciptaan manusia adalah suatu yang sia-sia kerana tidak adanya sebarang dugaan walaupun manusia melakukan kesalahan yang paling besar. Keampunan adalah suatu pekara yang begitu mudah diperolehi dan ianya menggalakkan manusia melakukan kerosakan dan kemusnahan di mukabumi. Tidak adanya cabaran yang sukar bagi manusia untuk mencapai kebahagiaan di akhirat. Ini kerana dengan melakukan upacara *sacrament* tertentu dan mendapat penyataan dengan Jesus Christ adalah merupakan suatu jaminan untuk manusia hidup kekal di akhirat kelak.

Dari satu sudut lain pula dapat dilihat ianya seolah-olah menunjukkan bahawa Tuhan itu adalah zalim dan tidak bertindak dengan adil kerana

melupakan masyarakat sebelum Jesus Christ. Ini kerana walau sebaik manapun manusia termasuk para rasul dan nabi-nabi bangsa Yahudi sebelum Jesus Christ akan tetap masuk ke dalam neraka akibat masih menanggung dosa warisan kerana ianya belum ditebus lagi. Justeru, seolah-olah menunjukkan perutusan para nabi dan rasul itu adalah suatu perkara yang sia-sia dan membazir. Oleh itu sewajarnya *The Old Testament* tidak boleh diterima oleh penganut agama Kristian sebagai kitab suci kerana ianya ditulis dan disebarluaskan oleh orang-orang yang berdosa dan tidak suci. Hal yang sedemikian menunjukkan seolah-olah wujudnya sikap *double standard* di kalangan penganut agama Kristian di mana dari satu segi mengaku kitab *The Old Testament* adalah daripada Tuhan dan merupakan kitab suci tetapi dari satu segi lain menghina dan mengutuk akan kedudukan *The Old Testament*. Golongan seperti ini hanya mengambil apa yang difikir ada kaitan dengan kehendak nafsunya daripada *The Old Testament*, tetapi menolak dan mengutuknya jika ianya tiada kepentingan. Ini berdasarkan kenyataan St. Paul dalam *Romans 3:19-21*:

"Now we know that whatever the law says, it says to those who are under the law so that every mouth may be silenced and the whole world held accountable to God. Therefore no one will be declared righteous in his sight by observing the law rather, through the law we become conscious of sin. But now a righteousness from God, apart from law, has been made known to which the Law and the Prophets testify."

Selain daripada itu, kesahihan tentang wujudnya dosa warisan dapat dipertikai kerana masih wujudnya pertentangan di dalam Bible. Sewajarnya sebuah kitab yang diakui daripada Tuhan tidak akan berlakunya konflik seperti

keterangan tentang dosa warisan. Ini juga sedikit sebanyak boleh mempengaruhi kedudukan kitab tersebut yang didakwa daripada Tuhan. Justeru, tanpa melihat kepada bukti-bukti lain untuk membuktikan tentang darjat kesucian kitab Bible, jelaslah di sini bahawa doktrin dosa warisan memang tidak wujud di dalam agama Kristian dan ianya merupakan rekaan St. Paul semata-mata dan diteruskan pula oleh St. Augustine sebagai pengasas kepada doktrin tersebut iaitu kira-kira empat ratus tahun selepas "ketiadaan" Jesus Christ.

Manakala Islam sebagai sebuah agama yang universal semenjak awal penyebarannya telah dengan jelas menolak doktrin dosa warisan dan konsep pewarisan dosa di dalam diri manusia. Islam menolak secara mutlak kepercayaan yang menyatakan nabi Adam °a.s adalah penyebab berlakunya dosa warisan. Ini kerana Allah s.w.t dengan sifat-Nya yang Maha Pengampun dan Maha Pemurah telah mengampunkan kesalahan yang dilakukan oleh Adam °a.s yang dilakukannya akibat daripada kelalaian beliau untuk berwaspada dengan tipu daya syaitan. Jesus Christ diutuskan bukanlah sebagai penebus dosa tetapi antaranya untuk menyelamatkan manusia daripada noda dan dosa dengan kembali kepada ajaran asal kitab Taurat. Islam juga menolak kepercayaan yang menyatakan Jesus Christ adalah anak Tuhan yang diutuskan ke dunia kerana Islam mengajarkan penganutnya bahawa Allah s.w.t itu adalah esa dan Dia tidak mempunyai anak. Apatah lagi Jesus Christ mengaku di dalam al-Qur'an bahawa beliau adalah seorang hamba yang diutuskan oleh Allah s.w.t kepada Bani Israel.

Islam juga meletakkan kuasa mengampun kesalahan dan dosa manusia adalah sesuatu yang mutlak dan sepenuhnya di bawah kawalan Allah s.w.t. Tidak ada seorangpun di kalangan manusia yang mampu mengampunkan orang lain melainkan kesalahan sesama mereka sahaja. Justeru, tidak ada seorang manusiapun yang boleh mengaku mampu untuk menanggung dosa orang lain dengan memberikan keampunan kepada orang-orang tertentu yang datang meminta keampunan. Islam mengajarkan bahawa dosa seseorang itu hanya memberi mudharat kepada dirinya sahaja dan mustahil ianya dapat menjangkiti orang lain kerana Allah s.w.t akan memberikan balasan kepada seseorang berdasarkan kesalahan yang dilakukannya sahaja. Justeru, dosa warisan tidak wujud di dalam Islam, begitu juga di dalam agama Kristian di peringkat awalnya. Dosa nabi Adam ^{‘a.s} hanya memberi mudarat kepada dirinya sahaja begitu juga dengan keturunannya tidak bertanggungjawab ke atas dosa nabi Adam ^{‘a.s} walaupun baginda adalah asal segala manusia. Jesus Christ bukanlah penebus dosa warisan kerana beliau tidak mati di tiang salib dan perutusannya yang sebenar adalah untuk mengajak manusia memenuhi tuntutan Allah s.w.t yang telah dinyatakan-Nya di dalam kitab Taurat.

F. KESIMPULAN

Berasaskan penjelasan-penjelasan dan analisis-analisis di atas, ternyata bahawa doktrin dosa warisan ajaran agama Kristian dan khususnya mazhab Roman Katholik adalah ajaran yang diadaptasi daripada unsur-unsur dan bentuk-bentuk ajaran agama Pagan dan agama Yahudi sepetimana yang telah dibahaskan dalam bab 2 dan bab 3 kajian ini. Ini sekaligus membuktikan

bahawa doktrin dosa warisan ini bukanlah ajaran asal Jesus Christ walaupun tuntutan dan falsafahnya berbeza daripada ajaran Pagan dan agama Yahudi. Namun, apabila dihalusi ternyata unsur-unsur kebudayaan dan falsafah ajaran Pagan dan agama Yahudi mewarnai identiti ajaran agama Kristian kini. Ini pastinya berkait rapat dengan segala usaha dan cita-cita St. Paul yang gigih untuk meletakkan ajaran Kristian sebagai ajaran universal iaitu ajaran yang merangkumi keseluruhan kebudayaan manusia sejagat. Bukannya universal daripada aspek akidah dan syariatnya. Keadaan ini sekiranya dihalusi didapati bahawa St. Paul telah berjaya melaksanakan hasratnya untuk menghapuskan ajaran Jesus Christ melalui metod yang halus. Secara tidak langsung memberi lalun untuk agama Yahudi terus mengekalkan "samawi"nya berbanding Kristian yang telah hilang identiti "samawi"nya. Walaupun agama Yahudi tidak dapat menandingi kesyumulan Islam, namun dari aspek "samawi"nya ia masih dapat dipertahankan berbanding Kristian yang hilang segala-gala identiti "samawi"nya.